


Jilid II
Bil. 47



Hari Selasa
9hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4901]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 4925]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 4925]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN MOHD. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABDUL SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).

- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 9hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

TAKLIMAT DASAR KERAJAAN
KEPADA PELAWAT LUAR NEGERI

1. **Datuk Haji Shafie bin Abdullah** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab Kerajaan Malaysia selalu bermurah hati dengan negara-negara luar yang menghantar orangnya melawat di negeri ini dengan diberi taklimat demi taklimat, ditambah pula dengan pemberian ilmu pengetahuan yang dikaji bertahun-tahun di negeri ini. Apakah ini tidak menimbulkan sedikit sebanyak kesannya di masa hadapan terutama dalam bidang punca utama ekonomi negara ini. Apakah perhatian diberi dalam hal ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat faham akan perlunya negara-negara luar mengetahui dengan jelasnya dasar-dasar dan pendirian negara kita dan itulah sebabnya mengapa Kerajaan Malaysia mengambil peluang untuk memberi taklimat kepada pelawat-pelawat dari luar yang terkemuka dan berpengaruh. Taklimat-taklimat yang diberi adalah satu daripada usaha-usaha yang dijalankan terhadap pencapaian beberapa matlamat negara termasuklah menarik pelaburan asing untuk pembangunan ekonomi. Oleh itu, adalah penting pelabur-pelabur asing mengetahui dengan jelasnya akan rancangan-rancangan dan dasar-dasar Kerajaan. Kerajaan berpendapat bahawa memberi taklimat kepada

pelawat-pelawat yang terkemuka dan berpengaruh dari luar negeri itu adalah satu peluang yang baik untuk kita memberi gambaran yang betul mengenai keadaan negara kita. Kesan-kesan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak timbul kerana taklimat-taklimat yang diberi itu, pada keseluruhannya, adalah ber-corak ekonomi.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah taklimat-taklimat seperti itu didapati juga apabila pegawai-pegawai kita melawat ke negeri-negeri lain.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, apabila pegawai-pegawai kita di-jemput melawat ke negeri lain untuk bertukar fikiran memanglah mereka diberi taklimat tentang ekonomi negeri-negeri yang lain, dan pada pengalaman saya sendiri, apabila saya melawat negeri yang lain ada peluang juga mendapat tahu tentang ekonomi negeri yang dilawati itu.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Adakah taklimat-taklimat ini juga meliputi lapangan yang tertentu seperti lapangan per-usahaan getah, kelapa sawit, bijih dan sebagainya. Jikalau lapangan ini juga diberi taklimat, adakah diberi secara begitu mendalam hingga menyebabkan negeri-negeri yang sama-sama bersaing dalam lapangan ini seperti setengah-setengah negeri yang satu iklim ilmu alamnya dan hasil pengeluarannya itu boleh menyebabkan negeri-negeri itu melalui taklimat yang diberi ini pada satu masa akan datang bertanding dengan hebat dengan kita melalui pengetahuan yang kita beri itu yang menyebabkan kerugian pula kepada kita pada masa akan datang.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya taklimat yang diberi ialah memberi satu gambaran sahaja dan Kerajaan tidak membocorkan rahsia-rahsia

kepada pihak-pihak yang lain. Bagi amalan taklimat ini menerangkan dasar dan rancangan-rancangan kita sahaja dan tidak memberi butir-butir kepada pihak-pihak lain yang tidak berhak mendapat butir-butir itu.

PAKAIAN RASMI

2. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang menukarkan pakaian rasmi para Hakim, Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan Setiausaha-setiausaha kedua-dua Parlimen Malaysia supaya sesuai dengan kebudayaan dan iklim Negara Malaysia. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat tentang pakaian rasmi para Hakim, suka saya menyatakan bahawa setakat ini tidak ada rancangan untuk menukar pakaian tersebut, tetapi saya akan menyampaikan permintaan Ahli Yang Berhormat dalam perkara ini kepada Ketua Hakim Negara.

Bagi Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan Setiausaha-setiausaha kedua-dua Dewan Parlimen, suka juga saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Parlimen sedang mengambil langkah untuk mengkaji rupa dan bentuk potongan pakaian tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak ada siapa lagi yang hendak bertanya? *(Ketawa).*

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI COLOMBO

3. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Luar Negeri menyatakan di atas sebab-sebab apakah maka Menteri yang berkenaan dihalang oleh Pengerusi Persidangan Negara-negara berkecuali daripada meneruskan ucapannya di dalam persidangan tersebut di Sri Lanka.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada jawapan saya yang saya telah beri kepada soalan No. 12 pada 26hb Oktober, 1976 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat dan saya merojok kepada jawapan saya itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sedar bahawa soalan yang ketiga bukan untuk mengetahui sebab-sebab Laos menentang dasar berkecuali Malaysia, tetapi sebenarnya adalah sebab mengapa beliau sebagai Menteri Luar Negeri ditahan oleh Pengerusi mesyuarat tersebut daripada melangsungkan dan meneruskan ucapannya.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Yang Berhormat lihat jawapan saya pada 26 haribulan Oktober, 1976 sebab-sebab mengapa perbahasan tidak dapat dijalankan ialah Pengerusi pada ketika itu telah mengatakan masa telahpun hampir pukul 12.00 malam. Maka oleh sebab Ketua-ketua Negara, Perdana Menteri-Perdana Menteri, Presiden-presiden telahpun menunggu selama dua jam, beliau syorkan perkara ini dirujuk kepada Biro Penyelarasan di New York. Penghalangan ini berlaku oleh sebab masa perbincangan (debate) tidak ada langsung di atas perkara ini. Jikalau Yang Berhormat lihat jawapan saya pada 26hb Oktober itu, beginilah jawapan saya, sebab itulah saya minta dirujuk kepada jawapan saya. Sekian.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak silap saya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ada membuat satu statement semasa di Colombo dan juga sewaktu pulangnya di Kuala Lumpur di dalam mana beliau telah membayangkan rasa hampunya terhadap tindakan Pengerusi iaitu Menteri Kewangan Kerajaan Sri Lanka, kalau saya tidak salah. Bolehkah beliau mengesahkan ini sebenarnya, oleh sebab daripada perkara-perkara yang terjadi itu membayangkan inilah perkara yang sebenarnya.

Yang kedua, adakah lawatan Perdana Menteri Sri Lanka baru-baru ini suatu langkah untuk memujuk Kerajaan kita supaya jangan berasa kecil hati ataupun suatu cara untuk mengeratkan suatu masalah di mana saling mengerti telah hilang di antara Kerajaan kita dengan Sri Lanka?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di manakah kenyataan ini dibuat oleh Yang Berhormat Menteri?

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Saya difahamkan sewaktu di Colombo dan juga sewaktu beliau pulang di Kuala Lumpur.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu di mana, dari akhbarkah?

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Di dalam akhbar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam akhbar, samada benar atau tidak dalam akhbar itu tidak boleh dibangkitkan di dalam Dewan ini.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya walaupun dalam akhbar adalah hasil daripada statement rasmi yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Negeri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Perkara kedua tidak payah jawab, itu luar daripada soalan asal. Mengenai soalan pertama, kalau Yang Berhormat Menteri hendak jawab lagi, dipersilakan.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya melangkah daripada negara Malaysia ini dikatakan sebagai seorang askar hendak berperang ataupun hendak bersahabat. Jikalau kita tidak dapat berbincang, tidak dapat bersahabat, sebaliknya hendak membincangkan perkara ini, kita tidak dapat, oleh sebab masa terlalu singkat, tentulah terasa hampa jikalau tidak dapat tunaikan apa yang di-hajatkan itu. Sebaliknya saya berasa hampa oleh sebab perkara itu tidak dapat dibincangkan. Saya bukan keciwa oleh sebab endorsement telahpun ada di atas dasar konsep bebas, berkecuali dan aman ini, dan telah diakui oleh non-aligned Heads of States yang bersidang di Algiers pada tahun 1973. Jadi oleh sebab kesuntukan masa, perbincangan tidak dapat diteruskan, maka saya rasa tentu kita juga tidak begitu puas hati. Sebaliknya oleh sebab telahpun ada pengakuan, saya rasa kita tidaklah patut berasa hampa sangat oleh sebab perkara itu. Perkara ini adalah satu konsep yang sangat perlu dibincangkan di sana, kerana cara yang dibuat di negara-negara non-aligned kali ini adalah sama seperti di United Nations yang mana memakan masa lebih kurang hampir tiga bulan dibincangkan. Tetapi sebaliknya, kita hendak membincangkan perkara-perkara ini

dalam masa empat hari sahaja di Sri Lanka, maka sebab itulah saya rasa kita berbincang dan bermesyuarat di dalam Political Committee dan Drafting Committee hingga sampai pagi dan disambung semula pada pagi esoknya dengan hanya berihat dua tiga jam sahaja sampai empat hari. Jadi oleh sebab kita hendak menghabiskan semua urusan di dalam agenda, maka sebab itulah kekurangan masa dan perkara ini dirujukkan begitu oleh Pengerusi. Adakah soalan yang kedua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan yang kedua itu tidak ada hubungan, lain daripada soalan asal.

SARIKATA BAHASA MALAYSIA

4. Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah masih terdapat banyak lagi parti-parti politik di tanahair yang menentang dalam hal mewajibkan sarakata Bahasa Malaysia terhadap filem-filem asing yang ditayangkan di Malaysia selepas sidang Parlimen Keempat, Mesyuarat Kedua bagi Penggal Kedua yang lepas; dan
- (b) jika ya, berikan nama-nama parti-parti tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini nampaknya tidak ada lagi parti-parti politik yang menentang peraturan sarakata itu.

GUDANG UBAT DI SARAWAK

5. Tuan Jonathan Narwin minta Menteri Kesihatan menyatakan samada terdapat rancangan untuk menubuhkan gudang ubat wilayah di Sarawak tidak berapa lama lagi sesuai dengan dasar Kerajaan untuk memusatkan bekalan perubatan supaya ubat-ubat boleh didapati dengan mudah oleh mereka-mereka yang memerlukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu saya suka memaklumkan bahawa cadangan untuk menubuhkan sebuah

Setor Wilayah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di Tanah Puteh, Kuching, iaitu di kawasan perindustrian berhampiran dengan pelabuhan baru Kuching, telahpun diluluskan. Kementerian saya memang sedar tentang kesulitan pengangkutan dan perhubungan di Sarawak. Oleh itu Kementerian saya telah menubuhkan setor-setor bahagian di tiap-tiap Bahagian di Sarawak untuk memudahkan dan mempercepatkan bekalan ubat-ubat kepada orang ramai. Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian saya akan menubuhkan setor-setor Daerah di daerah-daerah yang terpencil supaya bekalan ubat dan sebagainya akan dapat disampaikan terus kepada mereka yang memerlukannya dengan segera.

PENYELUDUPAN DI SEMPADAN MALAYSIA/THAI

6. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar keadaan penyeludupan melalui sempadan Malaysia/Thai sangat menjadi-jadi, jika sedar:

(i) berapakah ramai penyeludup-penyeludup tersebut telah ditangkap di dalam tahun 1976 yang terdiri daripada:

(a) Warganegara;

(b) Bukan warganegara.

(ii) berapakah banyak rampasan yang telah dibuat daripada penyeludupan;

(iii) apakah usaha beliau untuk memben-teraskan penyeludup-penyeludup melalui sempadan Malaysia/Thai.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa penyeludupan ada berlaku di sempadan Malaysia/Thai. Berasaskan kepada maklumat-maklumat yang didapati oleh pihak Kastam Di Raja jawapan kepada soalan (a) dan (b) ialah:

(a) Bilangan penyeludup yang telah ditangkap di sempadan Thai dari Januari—September, 1976:

25 orang warganegara Malaysia;

11 orang Thai;

1 orang Singapura; dan

1 orang Amerika.

(b) Barang-barang yang dirampas di sempadan Malaysia/Thai di dalam tempoh yang sama:

Opium 548 lbs.

Ganja 2 lbs.

Morphine 2 lbs.

Barang-barang lain termasuk kain-kain, beras dan barang-barang rumah bernilai ... \$452,000.00

Cukai-cukai terlibat 78,000.00

(c) Langkah-langkah berkesan yang diambil oleh Jabatan Kastam dan Eksais di Raja untuk mencegah penyeludupan-penyeludupan ialah dengan cara menguatkan lagi rondaan di laut dan di darat di kawasan sempadan dan juga pegawai-pegawai pencegah di sempadan juga ditambah. Kementerian Kewangan telah pun membekalkan sebuah helikopter, motokar-motokar perondaan yang laju, bot-bot perondaan laju untuk mencegah penyeludupan. Hadiah-hadiah istimewa juga dibayar kepada "informers" yang menjayakan tangkapan dan rampasan.

PAKAIAN CELORENG KEPADA ANGKATAN TENTERA

7. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan:

(a) adakah benar bahawa pakaian-pakaian celoreng-celoreng bagi Angkatan Tentera kita hanya cukup untuk gerakan sahaja dan adakah benar bahawa kontrek bekalan ada tetapi tidak mencukupi cuma cukup untuk gerakan sahaja, iaitu diberi satu atau dua pasang sahaja untuk beberapa lama dan adakah benar bahawa pakaian tentera yang bercorak celoreng-celoreng ini tidak mencukupi bekalan tetapi kainnya ada, kiranya benar, mengapa dibiarkan berlaku sedemikian; dan

(b) adakah benar bahawa pihak Angkatan Tentera telah tidak menerima Lapuran Gaji Ibrahim kerana banyak sangat potongan yang akan dilakukan kepada mereka, kiranya benar, nyatakan, apakah jenis potongan itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga awal tahun 1976, Kementerian Pertahanan telah menghadapi sedikit masaalah bagi membekalkan pakaian celoreng kepada anggota-anggota Angkatan Tentera. Ini adalah kerana pihak kontraktor yang telah diberi kontrak menjahit pakaian celoreng telah tidak dapat memenuhi jadual pembekalan seperti yang ditetapkan di dalam kontrak. Akibat daripada masaalah yang dihadapi itu, Kementerian Pertahanan telah mengadakan dua lagi kontrak menjahit untuk memenuhi keperluan Angkatan Tentera.

Dengan ketiga-ketiga kontrak ini, Kementerian Pertahanan telah dapat mengatasi kekurangan pakaian celoreng dan juga setok pakaian celoreng pada masa ini adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan, Angkatan Tentera mengikut sukatan pakaian yang telah ditetapkan.

- (b) Pihak Angkatan Tentera telah tidak berpuas hati dengan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Suruhanjaya Gaji Diraja Tan Sri Ibrahim Ali oleh kerana pertimbangan yang sewajarnya telah tidak diberikan kepada sifat-sifat tertentu (peculiarities) yang terdapat dalam Angkatan Tentera. Angkatan Tentera, seperti juga Polis Diraja Malaysia, adalah satu perkhidmatan yang mempunyai sifat-sifatnya yang tersendiri dan dengan itu tidak dapat disamakan dengan perkhidmatan-perkhidmatan awam yang lain. Memandang kepada hakikat ini, Kerajaan telahpun memutuskan untuk menimbangkan kes mereka secara berasingan. Kajian mengenainya sedang dijalankan sekarang.

Sementara itu, Kerajaan telahpun membayar "elaun interim" sebagai tambahan kepada gaji yang diterima oleh anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa kontrak bagi menjahit pakaian celoreng pada masa-masa yang lepas ini amat besar yang menyebabkan

tidak mampu bagi kontraktor-kontraktor bumiputra yang kecil mengambil kontrak. Jadi kalau sedar, adakah Kementerian yang berkenaan bercadang di masa-masa akan datang ini supaya diperkecilkan agar kontraktor yang kecil-kecil ini dapat mengambil bahagian dalam kontrak ini.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sekarang mempunyai dasar perlaksanaan di mana kontrak-kontrak yang besar akan dikecilkan di mana yang boleh.

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI COLOMBO

8. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan oleh kerana Sidang Negara-negara Berkecuali 1973 telah mengesahkan kawasan Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali, mengapakah telah menjadi perlu untuk mendapatkan pengesahan semula atas perkara yang sama itu di sidang Negara-negara Berkecuali di Kolombo baru-baru ini dan dengan membuat demikian menyertai satu perang mulut dengan negara Laos dan Vietnam.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada soalan ini adalah terkandung juga di dalam jawapan saya pada soalan 12 pada 26hb Oktober, 1976 yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat. Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat pada jawapan itu.

Tuan Yang di-Pertua jawapan saya tadi ada juga menggunakan suatu perkataan "berperang" bukan saya kata hendak pergi berperang di sana. Misalnya, kalau orang hendak pergi berperang; jikalau tak dapat juga dia bersiap, sama juga kita hendak pergi berbincang satu-satu hal atau perkara yang tidak dapat kita kemukakan. Jadi itulah hampaan, oleh sebab tidak dapat dibincangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis faham akan keterangan Yang Berhormat Menteri.

IKLAN DI RADIO DAN TV

9. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa iklan-iklan melalui Peti TV, Radio, Poster-poster di tepi jalan dan di Panggung Wayang Gambar tidak menggambarkan identiti negara Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, pengiklanan melalui Pawagam (Panggung Wayang Gambar), Poster dan cetakan adalah di luar kuasa Kementerian Penerangan. Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan telah dapat mengawal bahan-bahan iklan yang dikemukakan untuk siaran Radio dan tayangan Talivisyen dengan menggunakan hak istimewa dan tanggungjawabnya sebagai pengendali kedua-dua media. Kawalan ini dilakukan melalui Kod Iklan (Advertising Code) Kementerian Penerangan yang mengandungi syarat-syarat bahawa iklan-iklan yang disiarkan di Radio dan Talivisyen Malaysia hendaklah mencerminkan identiti Malaysia.

Sejak 1-7-76 yang lalu Kementerian ini tidak lagi menerima iklan-iklan buatan luar negeri. Dengan lain-lain perkataan semua iklan-iklan yang sekarang ditayangkan di Talivisyen Malaysia adalah dibuat di Malaysia, menggunakan model-model Malaysia, mencerminkan cara hidup rakyat Malaysia dan berlatar belakang Malaysia. Pendek kata gambaran cara hidup berbilang kaum di negara ini dicerminkan sedapat yang mungkin.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa iklan yang ditayangkan oleh pawagam adalah di luar kuasa Kementerian yang berkenaan, jika benar, apakah cara-cara dan jalan untuk menjadikan iklan yang diiklankan oleh pawagam termasuk di dalam kuasa Kementerian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sudah dijawab tadi. Walaupun bukan di dalam jagaan, Kementerian Penerangan, tetapi dikendalikan di bawah mass-media. Ada soalan tambahan yang lain?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Yang Berhormat Tim-

balan Menteri ada menjawab demikian, tetapi bukan bermakna ada kuasa untuk mengambil satu-satu tindakan. Tujuan soalan saya ialah supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memperoleh kuasa untuk mengambil satu-satu tindakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu mengenai Kementerian lain, tidak boleh diambil kuasa.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi segala iklan-iklan itu akan disesuaikan mengikut identiti Malaysia. Apa yang saya kurang faham dan minta penjelasan, maksud identiti Malaysia ini kalau ditafsirkan sangat luas. Apakah Kementerian berkenaan telah membataskan ataupun menentukan garis-garis yang boleh ditafsirkan ini identiti Malaysia dan ini bukan identiti Malaysia.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu. Saya rasa jawapan saya tadi jelas iaitu gambar-gambar yang berlatar-belakang Malaysia dan kalau ianya kanak-kanak minum susu, kanak-kanak itu orang Malaysia sendiri sehingga bapanya kata "bapa pun hendak minum susu juga". Jadi bapa itupun orang Malaysia juga, itu maksudnya identiti Malaysia, begitu juga kalau dia hendak makan coklat, biskut dan sebagainya, wanita yang digambarkan itu wanita Malaysia, berpakaian cara Malaysia dan bertutur Bahasa Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Susu pekat atau susu cair? (*Ketawa*)

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Kedua-duanya boleh.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI

10. Tuan Lee Lan Thye (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa rakyat, termasuk Bumiputra mempunyai kurang keyakinan kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Apakah langkah-langkah beliau bercadang hendak ambil untuk menjadikan P.K.E.N. lebih berkesan.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa rakyat mempunyai kurang keyakinan mengenai perjalanan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Tentang langkah-langkah ataupun tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kementerian saya untuk memperbaiki Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telahpun saya huraikan di dalam jawapan saya pada petang semalam, iaitu 8hb November, 1976.

HARGA IKAN

11. Tuan Abu Bakar bin Arshad (di bawah S. O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa memandangkan harga ikan basah melambung tinggi terutama seperti dalam bulan puasa atau lainnya lagi dan di setengah-setengah tempat ikan basah susah didapati dan jika ada pun sangat terhad:

- (a) bolehkah Kerajaan melalui MAJU-IKAN mengadakan kawalan harga ikan basah di negara ini sebagaimana kawalan di atas barang-barang perlu yang lainnya;
- (b) Kerajaan mengadakan kawalan atau sekatan supaya ikan basah tidak dihantar keluar negeri seperti ke Singapura atau lainnya selagi tidak mencukupi keperluan dalam negeri; dan
- (c) apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi keadaan ini dan bagi menambah pengeluaran ikan basah ini termasuk pemeliharaan ikan air tawar.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Harga-harga ikan bergantung kepada beberapa faktor:
 - (1) Penawaran dan permintaan (supply and demand),
 - (2) kos pengangkutan,
 - (3) kesegaran ikan dan lain-lain lagi.

Kita mendapat sebahagian bekalan ikan dari impot daripada Thailand. Kalau harga-harga ikan dikawal dan lebih rendah daripada Thailand maka sudah tentulah Thailand tidak hendak mengeksport ikan ke Malaysia. Ini akan menyebabkan kekurangan bekalan ikan di Malaysia, walaupun pada teorinya harga-harga ikan itu murah.

Lagi pula, biarlah harga-harga ikan itu tinggi sedikit kerana pada sebahagian-nya nelayan-nelayan akan mendapat lebih pendapatan. Oleh kerana itu Kerajaan tidaklah bercadang mengawal harga-harga ikan.

- (b) Kawalan eksport melalui Johor Bahru ke Singapura memang telah berjalan iaitu dengan tiap-tiap lori menurunkan sebahagian daripada muatannya di Johor Bahru untuk mencukupkan bekalan bagi kawasan tersebut dan kawasan-kawasan sekitarnya.
- (c) Bagi menambah bekalan ikan di seluruh negara, Kerajaan mengambil langkah-langkah berikut:
 - (i) Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan menggalakkan impot ikan daripada negara-negara lain yang berhampiran seperti Thailand untuk menambahkn bekalan ikan basah di negara ini.
 - (ii) Sebagai langkah jangka panjang pula, Kerajaan akan:
 - (a) menambahkan bilangan bot-bot yang lebih besar untuk menangkap ikan di lautan dalam;
 - (b) memperbaiki teknik serta menggalakkan penggunaan alat-alat tangkapan ikan yang lebih cekap; dan
 - (c) menambahkan masa kerja yang lebih lama.
- (d) Bagi menambahkan pengeluaran ikan air tawar pula, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah termasuk:
 - (i) mengadakan subsidi menternak ikan air tawar; dan
 - (ii) pembinaan pusat penetasan untuk benih-benih ikan.

Semua langkah jangka panjang akan diperluaskan dan diperbanyakkan lagi dalam konteks Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Tadi Menteri berkenaan menyatakan, di antara lain, usaha-usaha untuk menambah ikan di Malaysia ialah untuk menambah bot-bot besar. Adakah beliau sedar bahawa sekarang ini penangkap penangkap ikan hendak mendapatkan lesen-lesen untuk membuat bot-bot besar itu amat

susah sekali dan kadang-kadang permohonan-nya ditolak begitu sahaja, dan kalau sedar adakah beliau sedia menimbangkan permohonan untuk mengadakan bot besar?

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di sini ada dua perkara. Pertama sekali soal yang kedua itu iaitu tentang kelambatan memproses permohonan lesen itu. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu ter-baca barangkali dalam akhbar dan juga mendengar dalam radio dan TV saya telah mengarahkan tiap-tiap permohonan lesen menangkap ikan hendaklah diproses seberapa cepat dan tidak boleh lebih daripada tiga bulan kalau permohonan baru.

Keduanya, berkenaan dengan cara menangkap ikan secara besar-besaran. Jadi apakah istilah Yang Berhormat itu dan pihak Kerajaan. Bagi Kerajaan, kalau sekiranya orang yang hendak memohon lesen menangkap ikan dengan menggunakan bot-bot besar untuk menangkap ikan sejauh 50 batu dari pantai atau lebih maka itu tidak ada masalah sama sekali. Tetapi kalau menggunakan bot-bot menangkap ikan di tepi pantai dengan jenis-jenis pukut yang merosakkan bekalan ataupun resources dalam laut, maka ini kita cuba menghadkan sekarang ini yakin supaya bekalan ikan tidak habis sama sekali daripada kawasan tepi pantai, terutama sekali kawasan dalam lingkungan 7 batu dari tepi pantai. Jadi barangkali pada pandangan Yang Berhormat itu bot 10 tan sudah besar, tetapi pada Kerajaan bot seumpama itu adalah bot yang kecil dan kalau menggunakan pukut tunda maka ini mengancam resources ikan yang ada di bawah permukaan air itu.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa pengeluaran ikan tak dapat ditambah malahan berkurangan pada masa sekarang oleh sebab pencemaran sungai-sungai dan juga laut berhampiran dengan pantai. Jika sedar apakah tindakan yang positif dan berkesan yang akan diambil oleh Kementerian ini?

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Kekurangan bekalan ikan ini ada beberapa faktor. Pertama sekali bertambahnya penduduk Malaysia ini dengan begitu cepat jika dibandingkan dengan jumlah penduduk selepas Perang Dunia Kedua. Jadi, ertinya boleh dikatakan kira-kira sekali ganda bertambah, sedangkan

kawasan bagi menangkap ikan itu barangkali sampai kiamat duniapun macam itu juga luasnya dan banyaknya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pertambahan ikan tak secepat bertambahnya manusiakah?

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Saya hendak pergi ke situ juga. Jadi pertambahan ikan pula terpaksa tergendala oleh kerana jenis-jenis tangkapan ikan, misalnya pukut tunda yang menangkap segala anak-anak ikan. Jadi anak ikan tidak sempat besar, tidak sempat bertelur, telur ikan tidak sempat menetas oleh kerana di tepi pantai itu nelayan-nelayan menggunakan pukut tunda. Ini merupakan satu ancaman. Jadi bagi Kerajaan ancaman yang lebih besar lagi ialah ancaman yang semacam ini yang mungkin menghabiskan sumber ikan. Sebab itulah Kerajaan sekarang sedang mengkaji apakah hendak dibuat dengan setengah-setengah cara menangkap ikan yang mungkin menghapuskan bekalan sumber ikan di bawah muka laut, terutama sekali di tepi pantai dan juga Kerajaan sedang mengkaji bagaimana caranya supaya nelayan yang merosakkan sumber ikan ataupun yang menghapuskan sumber ikan itu supaya dapat kita alih mereka itu menangkap ikan ke tengah laut. Jadi bila saya maksudkan ke tengah laut, seberapa boleh daripada 50 batu sampai ke tengah laut. Tentang ancaman daripada kekotoran pada masa ini hanyalah berlaku di dalam sungai sahaja yakni menghapuskan udang galah misalnya ataupun ikan di kual-kual sungai. Ini yang banyak telah musnah sekarang. Pihak Kementerian memanglah mengambil berat tentang perkara ini dan akan berkerjasama lebih rapat lagi dengan Kementerian yang bertanggungjawab tentang environment.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan di Dewan ini sejauh manakah perkembangan pemeliharaan ikan air tawar bagi mengatasi kekurangan ikan dan apakah kesan-kesannya?

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang telah lalu dalam rancangan pemeliharaan ikan air tawar itu, Jabatan Perikanan akan membekalkannya kalau ada permohonan anak-anak ikan, tetapi tentang pembinaan kolam ikan, itu

terpulanglah kepada orang-orang kampung atau petani-petani itu untuk menggali sendiri. Kalau sekiranya Jabatan Parit dan Taliair ada kelapangan jenteranya, maka mereka akan menolong yakni sambilan sahaja. Jadi dalam konteks Rancangan Malaysia Ketiga ini saya telah mengarahkan supaya dikaji soal kalau petani-petani kecil hendakkan berternak ikan air tawar dan ada tempatnya, maka di bawah Kementerian saya samada Jabatan Perikanan atau Jabatan Parit dan Taliair, maka Kerajaan akan menggalikan kolam-kolam ikan ini dengan secara percuma untuk menggalakkan petani-petani, terutama sekali petani-petani kecil menternak ikan air tawar untuk menambah bekalan ikan di dalam negara kita.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang dijawab oleh Menteri berkenaan tadi ada sedikit umum, oleh itu saya ingin mendapat penjelasan lagi mengenai bot besar yang dimaksudkan. Adakah beliau dapat menimbangkan sekiranya permohonan untuk membuat bot-bot lebih dari 85 kuasa kuda ke atas dan akan menangkap ikan sejauh 12 batu ke laut. Jadi kepada permohonan seperti itu adakah Kementerian berkenaan sedia menimbangkan permohonan lesen mereka itu?

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat lebih tepat lagi daripada apa yang saya katakan tadi kerana lain tempat ada berlainan keadaan. Di setengah tempat bagi menangkap ikan sampai ke 12 batu itu sudah terlalu banyak nelayan tetapi di setengah tempat masih lagi kurang nelayan. Jadi bergantunglah kepada keadaan tempat itu. Apa yang sudah pasti sebagaimana saya katakan tadi, kalau ada sebarang permohonan untuk menangkap ikan sejauh 50 batu ataupun lebih jauh lagi dari pantai, maka pada bila-bila masa sedia ditimbangkan. Kalau ada pihak penanam modal sama ada dari dalam atau luar negeri, terutama sekali joint venture, maka pihak Kementerian Pertanian sentiasa akan bersedia menyokong penanaman modal secara itu.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan mengenai pukat tunda sekarang sedang dibuat penyiasatan. Jadi kalau tidak silap saya mengenai kajian pukat tunda itu telah berjalan sejak tahun 60an lagi. Saya hendak tahu bilakah masanya kajian telah di-

buat? Sekiranya tidak ada pakar untuk mengkaji dengan mendalamnya mengenai pukat tunda, saya harap Kementerian dapat mengadakan dengan segera, sebab kita hendak tahu sejauh manakah kajian yang telah dibuat oleh Kementerian.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberikan jaminan di sini bahawa apa juga yang hendak dilaksanakan oleh Kementerian ini berkenaan dengan perikanan ini tidaklah akan menyusahkan nelayan-nelayan terutama sekali nelayan-nelayan kecil. Ini saya suka memberikan jaminan di dalam Dewan ini.

Mengenai kajian tentang pukat tunda ini, ada beberapa perkara yang kita kena fikirkan masak-masak dan melibatkan kewangan dan juga melibatkan kajian sumber perikanan di lautan tengah. Pada masa sekarang ini Kerajaan kita, khasnya Kementerian Pertanian tidak berapa tahu lagi berapa banyak sumber perikanan yang ada di Lautan China dan di Lautan India. Jadi, boleh dikatakan kita ini main agak-agak sahaja. Kalau kita hendak tergopoh-gapah menyalurkan ataupun hendak mengalihkan ataupun hendak memodenkan nelayan-nelayan yang ada di pantai pergi ke tengah-tengah lautan, kalau takdirnya sumber ikan itu tidak ada ataupun tidak cukup, maka teraniayalah nelayan-nelayan kita. Jadi sebab itulah, saya lebih percaya biarlah lambat sedikit asalkan selamat.

LESEN BAS MINI

12. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) jumlah bilangan lesen-lesen bas mini yang telah dikeluarkan setakat ini;
- (b) langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bas-bas mini tidak menyimpang daripada jalan (routes) yang mereka patut gunakan; dan
- (c) langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan kesesakan lalu-lintas yang diakibatkan oleh bas-bas mini di Bandaraya Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah lesen-lesen bas mini yang telah dikeluarkan ialah 400 buah.

- (b) Tindakan kuatkuasa sentiasa dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis. Mana-mana pemandu yang didapati bersalah akan didenda atau digantung lesen memandunya.
- (c) Di samping tindakan kuatkuasa yang diambil oleh Pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis, tindakan juga sedang diambil oleh Kementerian saya dengan pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan untuk mengadakan tempat-tempat perhentian yang khas bagi bas-bas mini di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa jumlah lesen-lesen bas mini yang telah dikeluarkan berjumlah 400 buah. Jika benar, berapakah daripada jumlah ini benar-benar bas yang telah menjalankan perkhidmatannya? Jika tidak 100 peratus daripada lesen-lesen ini digunakan, maka harap beritahu sebab-sebab maka lesen-lesen bas itu tidak dipergunakan oleh mereka yang telah diberi lesen-lesen tersebut?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, 320 bas mini sekarang berkhidmat di Kuala Lumpur.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabar! Sabar! Yang Berhormat hendak tahu bahagian yang keduanya mengenai sebab-sebab yang lain itu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sekarang sedang menghubungi pihak-pihak yang berkenaan untuk mengetahui dengan sedalam-dalamnya sebab-sebab lesen-lesen yang lain tidak digunakan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri samada beliau sedar bahawa dengan mengadakan begitu banyak bas mini, bas mini itu telah menimbulkan persaingan yang hebat kepada pengangkutan awam yang lain sehingga menjejaskan mata pencarian derebar-derebar teksi di Bandaraya Kuala Lumpur dan jika beliau sedar samada Kerajaan akan mengadakan

satu kajian untuk menentukan sejauh mana mata pencarian derebar-derebar teksi ini terjejas?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat bas-bas mini yang sekarang berjalan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya adalah memberi faedah kepada masyarakat kita kerana kita lihat kesesakan lalu-lintas di Kuala Lumpur—Petaling Jaya pun ada sedikit sebanyak berkurangan. Jadi berkenaan dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bahawa golongan yang lain dalam perniagaan pengangkutan telah merasa akibat bas-bas mini, izinkan saya menjawab bahawa dalam ekonomi kita masalah element of competition sangat mustahak. Jadi Kementerian atau Kerajaan tidak memaksa penumpang-penumpang menggunakan bas-bas mini atau teksi. Jadi, itu terpulang kepada penumpang-penumpang masing-masing, kalau mereka berpuas hati dengan perkhidmatan teksi atau bas atau bas mini, mereka tentu akan memutuskan mengikut keinginan mereka.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan telah menyatakan sekarang beliau telah menghubungi dengan mereka yang tidak menjalankan lagi lesen-lesen bas mini yang telah diberi kepada mereka itu. Saya ingin tahu sejauh manakah perhubungan yang akan dibuat mengenai dengan orang-orang yang diberi lesen-lesen bas mini itu? Sekiranya lambat, tidakkah pihak Kementerian mencadangkan supaya dibatalkan lesen itu dan diberikan kepada orang yang betul-betul ingin berkhidmat menggunakan bas mini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mengatakan menghubungi orang yang tidak mendapat lesen itu, tetapi dengan Pendaftaran Kereta.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, jadi pada saat ini malangnya saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat kepada Yang Berhormat dari Tumpat. Walau bagaimanapun, Kementerian berharap mengambil satu keputusan tidak lama lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri samad

Kementeriannya akan bercadang mengadakan rundingan dengan pihak Dewan Bandaraya untuk mengadakan perhentian khas bagi bas mini sebagai salah satu jalan untuk mengelakkan kesesakan lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya bukan sahaja bercadang berhubung dengan pihak Bandaraya, Kementerian saya sedang berhubung dengan pihak Bandaraya berkenaan dengan tempat-tempat perhentian bagi bas-bas mini.

TALIPON—PENGADUAN KEROSAKAN

13. Datuk Albert Mah bertanya kepada Menteri Perhubungan samada beliau menyedari bahawa kecekapan ahli-ahli teknik di dalam Jabatan Talikom telah berkurangan mengakibatkan banyak pelanggan yang talipon mereka itu dihubungkan ke pelanggan-pelanggan yang salah. Bolehkah beliau mengarahkan jabatan yang bertanggungjawab supaya memanggil pelanggan-pelanggan setelah diperbaiki untuk menentukan tali yang betul telah dihubungkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan di sini bahawa di bawah peraturan yang ada sekarang berkaitan dengan pengaduan kerosakan-kerosakan yang telah diadukan ke pusat pengaduan kerosakan, dail "91" atau "100" memang telah menjadi amalan dan dasar Jabatan Talikom memanggil semula pelanggan-pelanggan yang berkenaan untuk mengesahkan bahawa keadaan talipon adalah memuaskan sebaik-baik sahaja kerosakan talipon tersebut diperbaiki.

Walau bagaimanapun, jika sekiranya kerosakan kebel yang besar berlaku, atau di dalam masa keadaan cuaca yang buruk di mana sebilangan besar talian-talian pelanggan harus rosak, adalah tidak menasabah untuk menalipon tiap-tiap dan semua pelanggan-pelanggan sebaik-baik sahaja kerosakan tersebut diperbaiki, oleh sebab ini akan memerlukan masa yang lama dan melibatkan ramai kakitangan. Di dalam masa kerosakan kebel besar berlaku, bila banyak talipon-talipon rosak, matlamat utama Jabatan tersebut ialah untuk memulihkan perkhidmatan kepada sebanyak pelanggan-pelanggan yang terlibat, dan masa yang

singkat sekali. Di dalam keadaan ini, sebilangan kecil pelanggan-pelanggan tersilap disambungkan, tetapi ini selalunya diperbaiki dalam masa sehari atau dua hari selepas pelanggan-pelanggan mengadukan masaalah-masaalah mereka kepada ibusawat-ibusawat talipon tempatan.

Adalah perkara yang tidak dapat disangkal lagi bahawa dengan bertambahnya pelanggan-pelanggan yang diberikan perkhidmatan, beban-kerja bagi kakitangan-kakitangan teknikal telah bertambah banyak, dan adalah didapati bahawa, pada keseluruhannya, Juruteknik-juruteknik telah menjalankan kerja-kerja mereka dengan memuaskan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah sentiasa diambil untuk memastikan bahawa mutu kerja semua kakitangan tidak merosot.

UBAT-UBAT KERAJAAN— KECURIAN

14. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah amaun kerugian yang dialami oleh Kerajaan akibat kecurian dan jualan ubat oleh kakitangan-kakitangan hospital kepada klinik-klinik dan hospital-hospital persendirian sejak awal tahun ini;
- (b) bilangan kakitangan kerajaan yang ditangkap dan didakwa untuk amalan-amalan yang salah seumpama ini dalam jangkamasa yang disebutkan di atas; dan
- (c) bilangan klinik-klinik persendirian dan farmasi-farmasi yang terlibat dalam pembelian ubat yang dicuri daripada Kementerian beliau dan nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau terhadap pihak swasta ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kerugian yang dialami dalam tahun 1976 sehingga tarikh ini ialah \$202,904.34.
- (b) Sehingga masa ini, seorang buruh telahpun ditangkap dan didakwa di Mahkamah dan didapati salah. Tindakan tatatertib akan diambil ke atas beliau untuk menamatkan perkhidmatannya. Seorang pegawai pelatih telahpun diberhentikan dari latihannya

manakala seorang pegawai lagi telah digantung kerja sementara menunggu selesainya penyiataan oleh pihak Polis.

- (c) 2 buah kelinik persendirian dan 4 buah farmasi telah didapati mempunyai ubat-ubat hak Kerajaan. Penyiataan oleh pihak Polis masih diteruskan. Kementerian saya akan mengambil tindakan selanjutnya jika perlu setelah penyiataan tersebut selesai dan laporannya diterima.

SENJATAPI SECARA HARAM

15. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan sedar akan penggunaan senjatapi secara haram yang sekarang menjadi-jadi dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melarang amalan ini dan langkah-langkah yang telah diambil untuk menghalang penyeludupan senjatapi ke negara ini melalui sempadan Malaysia-Thai.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang penggunaan senjatapi secara haram pada masa sekarang dan tindakan sedang diambil untuk membawa mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri No. 81/60 ataupun Akta Senjatapi Penalti Lebihberat No. 37/71.

Sehingga masa ini seorang telah dikenakan hukuman gantung di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri No. 81/60 dan seorang dikenakan hukuman gantung juga di bawah Akta Senjatapi Penalti Lebihberat No. 37/71. Seorang lagi telah dikenakan hukuman penjara seumur hidup di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri No. 81/60 dan empat orang di bawah Akta Senjatapi Penalti Lebih berat No. 37/71.

Mengenai penyeludupan senjatapi, soalan ini telah dijawab di dalam mesyuarat-mesyuarat Penggal Pertama dan Kedua pada 5-4-76 dan 5-7-76.

BANJIR DI PERLIS

16. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa banjir yang berlaku di Negeri Perlis baru-baru ini disebabkan hujan lebat dan juga saluran air tidak mencukupi boleh menyebabkan kerugian besar kepada Kera-

jaan dan juga rakyat. Jika sedar tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang mengadakan taliair yang secukupnya untuk mengelakkan berlakunya lagi kejadian tersebut, walaupun akan menelan belanja yang besar.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar. Sebagai langkah permulaan, kerja-kerja penyiataan sudahpun dimulakan. Langkah-langkah selanjutnya akan dipertimbangkan hasil daripada penyiataan ini kelak.

KOMINIS PENGARUHI RAKYAT MELALUI ISLAM

17. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kemajuan yang telah dicapai oleh Kerajaan dalam mengesan tektik kominis mempengaruhi rakyat melalui ugama Islam di negara ini dan apa tindakan yang telah diambil atas perkara ini.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang ada usaha-usaha kominis yang cuba memutar-belitkan ajaran ugama Islam bagi mempengaruhi rakyat berugama Islam dengan perjuangan mereka dengan mendakwah bahawa perjuangan kominis adalah sealiran dengan ajaran Islam. Mereka sebenarnya memutar-belitkan ugama suci kita untuk matlamat akhir perjuangan Komunis dan segala kegiatan mereka begitu adalah bertujuan untuk memecah-belahkan rakyat dengan fitnah-fitnah dan melemparkan terhadap pemimpin-pemimpin Islam dari keturunan orang Melayu. Walau bagaimanapun, hingga ini usaha-usaha mereka tidak dapat sokongan dari orang-orang Islam.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan memang ada dan sedar. Jadi apa yang saya ingin tahu orang-orang, yang memutar-belitkan Islam ini, kalau memang ada dan sedar, berapa orangkah daripada jumlah mereka yang telah ditahan di bawah Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memerlukan detail, saya memerlukan masa.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PER-BEKALAN, 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masaalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (8hb November, 1976)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan ia itu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut. (8hb November, 1976).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Selayang menyambung ucapannya.

3.05 ptg.

Puan Chow Poh Kheng (Selayang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan jalan begitu sahajalah akan memudahkan anak-anak kita dari berbilang kaum menerima nilai-nilai patriotik dan sosial ini.

Belanjawan 1977 menyediakan \$100,280,020 untuk perumahan bagi Semenanjung Malaysia, \$7,040,800 bagi Sarawak, dan \$4,022,000 bagi Sabah yang menjadikan jumlahnya sebanyak \$111,342,820 untuk Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan.

Peruntukan bagi perumahan ini termasuk wang untuk kegunaan perumahan awam dan perumahan Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri. Hanya sejumlah \$4 million sahaja

yang diluluskan untuk Kemajuan Perumahan kampung-kampung baru. Penduduk-penduduk di dalam kampung-kampung baru di dalam Malaysia sebanyak lebih kurang satu juta orang. Keluarga-keluarga di dalam kampung-kampung baru memerlukan perumahan yang lebih baik. Peruntukan \$4 juta untuk perumahan di kampung-kampung baru sangat jauh kekurangan untuk membuat sebarang perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Menteri Kewangan hendaklah menyediakan lebih banyak tanah dan wang untuk projek perumahan di kampung-kampung baru. Kita perlu mengujudkan suasana aman dan gembira di kalangan orang-orang kita untuk mengelakkan sesuatu yang boleh mencetuskan ketegangan dan syak-wasangka. Kita janganlah membiarkan anasir-anasir anti-nasional menawan hati dan pemikiran orang-orang kita yang kurang bernasib baik di dalam kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Kita memerlukan banyak rumah-rumah harga murah untuk keluarga-keluarga miskin di dalam bandar, supaya dapat mengatasi problem setingan di dalam negeri ini. Kita tidak banyak membuat ke arah cita-cita ini sejak dua puluh tahun yang lalu. Kita mempunyai cukup pembina dan pemaju-pemaju perumahan di dalam Malaysia. Kita jangan hanya memberikan rumah kepada orang-orang miskin sahaja, tetapi kita hendaklah juga menggalakkan keluarga miskin membeli tanah dan rumah. Kerajaan mempunyai tugas menyediakan tanah murah untuk menyokong pembina-pembina rumah persendirian dengan cara tax incentives.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kita perlu menanamkan semangat mempunyai rumah sendiri di kalangan orang-orang kita sekiranya kita hendak membina satu bangsa bersatu di dalam Malaysia, dan membina satu bangsa yang dapat memper-tahan serangan sebarang ideology asing. Semua kemudahan-kemudahan moden untuk kebahagiaan hidup hendaklah diperolehi oleh semua orang kita. Keluarga-keluarga kita di dalam Malaysia, tak kira apa juga bangsanya, hendaklah mempunyai cukup pendapatan untuk mendapatkan kesenangan moden ini. Dengan itu akan tamatlah apa yang hendak kita arahkan semua polisi dan

tindakan Kerajaan di dalam Belanjawan. \$1.38 billion telah diuntukkan dalam Belanjawan tahun 1977 bagi pelajaran. Kita masih belum dapat mengikis buta huruf di dalam Malaysia. Tiap-tiap seseorang hendaklah mempunyai peluang mendapatkan pelajaran yang baik. Tiap-tiap kanak-kanak di dalam Malaysia, tanpa mengira bangsanya hendaklah masuk sekolah dari umur 6 tahun hingga ke umur 16 tahun. Ini sahaja jalan yang dapat menyelesaikan problem keciciran di kalangan kanak-kanak berbagai kaum dari berbagai aliran persekolahan. Kita memerlukan pelajaran permulaan wajib di dalam Malaysia. Kita memerlukan pelajaran vocational wajib untuk murid-murid di dalam sekolah-sekolah menengah.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, kerana telah menghebahkan bahawa pelajaran akan dipergiatkan ke arah keperluan tenaga rakyat di dalam negeri ini.

Pelajaran yang merupakan tingkatan permulaan, pertengahan dan "tertiary" akan dipergiatkan ke arah keperluan tenaga rakyat di dalam negeri yang membangun ini. Anak-anak kita perlu mempunyai kemahiran dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris, sekiranya mereka ingin bersaing di dalam dunia science dan teknologi. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa "message" itu hendaklah dihantarkan kepada semua peringkat guru.

Keperluan menjadikan anak-anak kita "bilingual atau trilingual" hendaklah disebarkan kepada semua guru di dalam semua aliran bahasa, di dalam semua aliran pengajian teknik dan semua aliran pelajaran vocational.

Pembayar-pembayar cukai tidak mampu menghadapi tuntutan-tuntutan pelajaran dari orang ramai. Oleh itu, badan-badan awam, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan badan-badan professional hendaklah digalakkan bagi menubuhkan kolej-kolej, untuk menghubungkan ruang kosong di antara keperluan tenaga rakyat bagi mendapatkan kemahiran, termasuk sumber-sumber pelajaran yang ada sekarang, samada dari Institusi Pelajaran Kerajaan atau bukan Kerajaan.

Kolej-kolej seperti Kolej Tunku Abdul Rahman, hendaklah menghubungi kekosongan ini bagi faedah negara kita. Hendaklah menjadi polisi Kerajaan menggalakkan

penubuhan lebih banyak institusi pelajaran, dan menggalakkan mereka mengambil sebilangan kecil professor-professor luar negeri supaya dapat mengekalkan taraf pelajaran antarabangsa.

Di sini saya sudah memberi pendapat saya yang tidak seperti yang mana saya harapkan Dewan yang mulia ini akan dapat menimbangkan dengan penuh saksama. Akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi saya peluang bercakap.

3.35 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya juga mengucapkan tahniah kepadanya yang telah mengemukakan Belanjawan untuk belanja mengurus dan belanja membangun negara kita pada tahun hadapan yang saya berpendapat adalah elok dan sesuai menjadi langkah permulaan dalam daya-usaha untuk mencapai matlamat-matlamat serta hasrat dan cita-cita rakyat dan negara dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak negara kita merdeka pada 31hb Ogos, 1957 telah dirangka dan dilaksanakan, jikalau tidak salah 5 rancangan 5 tahun. Kita sekarang pula melancarkan rancangan lima tahun yang keenam, insya Allah, dengan izin Tuhan yang maha kaya banyak daripada matlamat-matlamat yang ditujui telah dicapai, sungguhpun kita akui banyak masih ketinggalan. Dari sebuah negara yang dijajahi oleh orang lebih daripada 100 tahun dengan tenaga dan daya usaha kita sendiri, Malaysia telah menapak jauh dalam segi siasah, segi sosial, segi kebudayaan dan segi ekonomi. Negeri kita, Tuan Yang di-Pertua, telah dilempahi dengan segala kekayaan oleh Tuhan yang maha kaya dan yang dikehendaki ialah mengeksploitasi segala kekayaan ini untuk menafaatkan kebahagiaan kita sendiri. Dengan pembahagian yang adil dan dipandang adil di antara segala lapisan masyarakat dari yang bawah hingga ke atas, dari utara ke selatan dan dari pekan ke desa hingga sampai ke hujung negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang patut ditanyai sekarang, adakah kita telah mencapai dengan ertikata yang sebenarnya matlamat yang saya sebutkan tadi? Ini adalah penting.

dan mustahak, kerana kita mengelolakan hal ehwal kita dalam negeri ini berpandukan kepada fahaman demokrasi, dan kita telah dipilih oleh rakyat diletakkan dalam Dewan yang mulia ini dengan harapan-harapan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa semenjak merdeka banyak telah tercapai. Keadaan dalam negara kita sekarang jauh bezanya daripada keadaan pada masa kira di bawah penjajahan British dahulu, sungguhpun kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang semuanya tidak betul, semuanya tidak kena. Ini kita tidak hairan kerana jika semata-mata hendak cari yang salah, memang senang sahaja. Kita dengar sahajalah kritik-kritik yang mereka lemparkan hari-hari dalam Dewan ini, tetapi kita teruskan daya-usaha kita berpandu kepada kejujuran semangat, keikhlasan hati dan keyakinan yang kuat bahawa Tuhan berserta dengan mereka yang benar dan, insya Allah, sekali-kali tidak berserta dengan mereka yang telunjuknya lurus tetapi kelingkingnya berkait. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita pasti sekarang semak semula dan fikirkan dengan halus dan teliti bahawa adakah kita telah cukup dan dengan sebenarnya mencapai segala hasrat dan cita-cita rakyat lebih-lebih lagi rakyat-rakyat di kampung dan di kawasan luar bandar dalam negara ini.

Selepas merdeka selama 20 tahun sudahkah mereka dapat pembahagian yang adil dari segi kemudahan-kemudahan, dari segi keselesaan hidup dan dalam bidang ekonomi? Saya berpendapat bahawa banyak lagi yang patut dibuat untuk meninggikan taraf hidup mereka ini dan untuk mengurangkan lagi jurang perbezaan di antara keadaan mereka di luar bandar dengan keadaan penduduk-penduduk di dalam bandar. Saya berkata demikian. Tuan Yang di-Pertua, sebab sebagai seorang wakil dari luar bandar perkara ini memang sah dan nyata belum memuaskan hati mereka lagi dan saya tahu hal ini tidak dapat dinafikan. Tiap-tiap kali balik ke kawasan saya soal yang sering ditanya oleh rakyat di kampung-kampung ialah bilakah lagi kami ini hendak bersama merasai keselesaan dan kemewahan yang dikecapi oleh penduduk-penduduk dalam kawasan bandar. Kata mereka, mereka tahu banyak anak-anak mereka yang telah meningkat pelajaran tinggi, telah ada banyak sekolah-

sekolah di kawasan luar bandar dan jalanraya-jalanraya, ada air paip dan lampu-lampu letrik di kawasan-kawasan yang tertentu, itupun tidak banyak lagi tetapi bagi keseluruhannya masyarakat di kampung-kampung masih terbenam seperti berpuluh-puluh tahun dahulu. Kata mereka, kami bukan semuanya hendak kaya-raya tetapi cubalah Yang Berhormat tengok hal keadaan kami, banyak lagi yang memakai pelita gas, bila hujan berjalan dalam lumpur dan tidak dapat hendak menoreh getah. Pendek kata, banyak daripada mereka masih kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Kata mereka lagi, kami bukan lulus universiti dan tidak tahu cara-cara hendak memperbetulkan keadaan kami yang dhaif. Oleh itulah, kata mereka, tiap-tiap lima tahun kami berduyunduyun keluar memangkah untuk menempatkan Yang Berhormat Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat dan dalam Dewan Undangan Negeri hingga ada yang menjadi bapa-bapa Menteri, Menteri Besar dan Ahli-ahli Exco Negeri untuk memperbaiki untung nasib kami.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga ini kepada saya adalah berupa sebagai satu rancangan lima tahun yang terpenting sekali. Infrastruktur telah disiapkan dalam rancangan-rancangan lima tahun yang dahulu, pelajaran telah diberi, jalan telah banyak dibuat dan Dewan Orang Ramai untuk berunding dan bercakap telah banyak didirikan yang tinggal ialah hendak mengisikan rangka-rangka yang telah dibuat ini dengan peluang-peluang ekonomi berniaga yang akan menyenangkan bukannya perseorangan atau golongan-golongan yang tertentu sahaja tetapi untuk keseluruhan masyarakat di luar bandar. Berjuta-juta ringgit telah dibiayai oleh Kerajaan semenjak kita merdeka untuk mencapai matlamat-matlamat yang saya sebutkan tadi tetapi nampaknya masih belum sebenarnya dan belum nampak sebenarnya dapat diubahkan keadaan di kampung-kampung dalam negeri ini. Oleh itu, boleh jadi satu daripada cara-caranya ialah membawakan peluang-peluang ekonomi ini lebih-lebih lagi ke kawasan-kawasan di luar-luar bandar dengan mengadakan parit-parit taliair, memberikan anak-anak kerbau dan lembu, pinjaman-pinjaman untuk perniagaan kecil sungguhpun membantu nampaknya tidak mencukupi selagi tidak berubah corak ekonomi orang-orang kita di kampung-kampung.

Seperti yang saya telah pernah suarakan dahulu dalam Dewan yang mulia ini satu daripada caranya ialah membawakan perusahaan dan kilang-kilang perusahaan yang pesat berkembang dalam negeri ini ke kawasan-kawasan di luar bandar ataupun sekurang-kurangnya pusat di kawasan-kawasan di luar bandar, lebih-lebihnya perusahaan yang memerlukan pekerja-pekerja yang banyak dan bahan-bahan mentah yang ada dan boleh ditubuh dan diadakan oleh orang-orang di luar bandar serta juga perusahaan-perusahaan yang boleh, saya minta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris, farm out, kerja-kerja bagi menyediakan perkakas-perkakas yang dikehendaki oleh kilang-kilang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu pelabur-pelabur lebih suka kilang-kilang mereka berada dalam bandar sebab lebih senang dari segi pengangkutan, perhubungan dengan pelanggan-pelanggan, mengambil pekerja-pekerja yang terlatih dan juga ada cukup air dan kuasa letrik tetapi kata orang-orang di kampung-kampung, itulah sebabnya diadakan pakar-pakar kita di dalam Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membereskan hal ini dan untuk mencari jalan mengatasi masalah-masalah yang sukar yang saya sebutkan tadi. Jikalau perkara-perkara ini dapat dibereskan, kata mereka, di negeri-negeri yang telah maju, apa sebab tidak boleh dibuat dalam Malaysia. Saya pun tidak tahu dan saya cuma menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini apa yang sering disuarakan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum berpisah kepada perkara yang lain saya suka mengambil peluang ini menegaskan bahawa dalam masa melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini adalah menjadi perkara yang terpenting sekali setinggi-tinggi keutamaan diberi kepada perkembangan perusahaan-perusahaan dan kilang-kilang perusahaan ke kawasan-kawasan di luar bandar. Baba-bapa Menteri yang berkenaan tentulah lebih tahu daripada saya berkenaan dengan masalah ini. Saya bukannya menunjuk tetapi mengesahkan apa yang memang ada dalam pengetahuan mereka. Saya harap pandangan-pandangan yang saya berikan ini akan dapat perhatian yang berkesan dari mereka. Cara-cara mengatasi masalah ini ialah mereka dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kepada mereka tentulah lebih tahu dan merekalah yang ada kuasa dan jentera-

jentera untuk melaksanakan dan jikalau perlu menambah lagi atau meminda projek-projek yang telah dirancang dan disusun dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk mencapai matlamat-matlamat. Yang dikehendaki ialah mengembangkan perusahaan-perusahaan ke kawasan-kawasan di luar bandar dan juga pentingnya nampak perkembangan yang dibuat kepada mereka di luar bandar. Saya tahu bahawa untuk menentukan di mana kawasan-kawasan perusahaan ini ditempatkan mesti diambil kira bermacam-macam faktor tetapi orang-orang kampung tidak sabar lagi menunggu. Misalannya, saya dapat tahu samada betul atau tidak, kawasan perkilangan di daerah kami telah ditentukan di Talang, dekat Kuala Kangsar. Ini bukan komplek tetapi misalunya saya beri, apa salahnya dibuat, diubah dekat sahaja ke Padang Rengas ataupun lebih jauh sedikit ke Kati atau Enggor. Saya tahu semata-mata dari segi perhitungan pakar dan penasihat ekonomi ini boleh jadi tidak begitu lojik tetapi bila telah ada kemudahan-kemudahan yang basic seperti air, api letrik dan juga pekerja-pekerja apa salahnya ubahkan sedikit kerana jikalau dibuat demikian akibatnya besar. Orang-orang di kawasan itu mungkin berkata: Kerajaan sekarang betul hendak menolong kita, tengoklah telah ada kilang di tempat kita sendiri. Kepada mereka Kuala Kangsar pun pekan dan jika terus ditempatkan kilang kilang di pekan sahaja orang-orang kawasan luar bandar tidak akan nampak dan perasaan tidak puas hati tidak dapat dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberi perhatian berkenaan dengan perubahan-perubahan cukai yang dibuat untuk tahun 1977. Sebenarnya, hasil utama untuk membiayai Belanja Mengurus dan Pembangunan negeri hendaklah datangnya bahagian yang besar daripada cukai pendanaan perseorangan dan syarikat-syarikat. Tetapi apabila dibuat perhitungan Yang Berhormat Menteri Kewangan pun tahu dan faham cukai yang dikenakan hendaklah juga jangan hingga menumpulkan initiative. Kita telah lihat apa yang telah jadi dan berlaku dalam negeri-negeri yang mengenakan cukai pendapatan yang terlampau tinggi. Yang dikehendaki ialah persamaan tetapi sebolehnya persamaan mestilah ke atas jangan ke bawah. Tujuan saya ialah lebih lagi peluang-peluang ekonomi diberi kepada segala golongan masyarakat baik di peka-

atau di luar bandar untuk menambahkan pendapatan mereka keseluruhannya. Bila dibuat demikian mungkin pendapatan-pendapatan lebih ramai orang dalam negeri ini meningkat naik dan apabila meningkat naik mungkin bertambah banyak cukai pendapatan yang dibayar pada negara. Dengan begitu, insya Allah, dari setahun ke setahun berkurangan pula beban Kerajaan, hutang dan sebagainya untuk mengadakan wang beribu-ribu ringgit untuk membiayai pembangunan negara seperti yang dikehendaki dan gambaran yang boleh jadi kita akan sampai dalam beberapa tahun lagi pihak swasta akan berkebolehan mengambil peranan yang terlebih dalam perkara ini.

Peranan Kerajaan apabila kita sampai pada masa itu akan menjadi lebihnya hanya untuk mengawasi dan memandu supaya perkembangan ekonomi dan perusahaan seimbang dan selaras dengan cita-cita dan masa hadapan rakyat dan negara. Syor-syor perubahan cukai yang telah dibuat seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan telah dibuat selepas kajian yang teliti dan selepas dihitung pandangan dari segala pihak. Ini adalah cara yang adil kerana kita berpandukan kepada demokrasi dan bersikap adil dan praktikal, tidak semata-mata bertindak menurut dogma sahaja, misalnya, mengikut sosialisma atau komunisma. Tuhan berkehendakkan kita menggunakan akal fikiran kita sendiri dengan jujur dan seksama, tidak kerana hanya membuat sebagai tauladan yang pasti diikuti sebarang fahaman siasah yang telah menjadi darah daging di negeri-negeri lain seperti di Eropah, di negeri Jepun dan di negeri Russia. Rakyat Malaysia sekarang dari atas hingga ke bawah tidak mungkin lagi jadi pak turut sahaja. Itu cerita lama masa kita dijajah oleh orang pada masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulangkan lagi menyebutkan perkara agensi dan jentera-jentera Kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan segala projek-projek Kerajaan demi kepentingan rakyat dan negara. Sungguhpun agensi-agensi Kerajaan ini mestilah mengawasi supaya dasar-dasar dan undang-undang Kerajaan dipatuhi, tetapi pentinglah juga bagi pegawai-pegawai yang berkenaan mengingatkan bahawa cara-cara mereka bertugas dan berhubung dengan ramai baik dari luar negeri, baik dari pekan, baik dari luar

bandar penting dan mustahak diingat. Mereka hendaklah bersikap lebih sebagai penasihat dan pembantu bukan cuma sebagai tuan yang menentukan boleh atau tidak boleh sesuatu projek itu dijalankan. Misalnya, jikalau jawapannya tidak boleh, tolong tunjukkan bagaimana sebarang projek itu boleh ditimbang jikalau dipinda ataupun diubah. Orang-orang kita di kampung terutamanya tidak faham akan segala selok-belok Kerajaan. Saya tahu bahawa golongan yang besar pegawai-pegawai kita telah sedar akan hal ini dan tidak lagi berlagak seperti M.C.S. atau pegawai-pegawai tinggi masa British dahulu. Tetapi penting benar bagi kita mengawasi supaya jangan ada lagi saki-baki tuan besar yang tidak diinginkan ini kerana ada lagi terdengar dari orang-orang di kampung-kampung sungutan-sungutan berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini penting juga untuk menambahkan lagi keyakinan kepada Malaysia dari pihak pelabur-pelabur dari negeri-negeri asing. Dalam masa Malaysia masih dalam peringkat pembangunan ini hal ini adalah di antara perkara-perkara yang terpenting dan mustahak. Malaysia dari peranan cuma sebagai pengeluar bahan-bahan mentah masa dahulu telah mula masuk ke lapangan perusahaan dan perindustrian pembuatan. Oleh itu, kita masih memerlukan persaingan dengan tenaga modal dan expertise dari luar negeri. Kita diberi tahu bahawa adalah menjadi dasar Malaysia menggalakkan pelabur-pelabur asing datang ke negeri ini dengan syarat mereka patuh kepada Dasar Ekonomi Baru Malaysia. Oleh itu, gambaran yang patut diberi kepada dunia luar ialah iklim perindustrian di Malaysia sihat dan baik. Dasar-dasar negara tegas dan reasonable dan jentera-jentera Kerajaan dan separuh Kerajaan efficient dan bersikap lebih-lebihnya membantu dan bukan sekali-kali menghalang. Dan lagi negeri-negeri jiran kita pula memang juga perlukan modal dan persaingan dengan pelabur-pelabur dari luar negeri. Kemungkinannya ada bagi Malaysia dan Kuala Lumpur menjadi pusat utama perusahaan dan perniagaan di kawasan Tenggara Asia. Janganlah hendaknya kita hilangkan peluang ini dan keciwa sekali jikalau kehilangan itu disebabkan oleh kerana pegawai-pegawai agensi-agensi dan jentera Kerajaan kita kurang bersikap reasonable dan dinamis.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

3.57ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ataupun cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membentangkan Belanjawan pada tahun ini pada pandangan saya apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan itu amatlah kena dan manasabah pada masanya lebih-lebih lagi kalau kita mengikut daripada Lapuran Ekonomi Tahun 1976/77 ini maka kita dapati bahawa apa yang terbentang di dalam lapuran itu amatlah membanggakan kita. Lebih-lebih lagi mengenai ramalan ekonomi Malaysia pada tahun 1977 dan 1978 yang meramalkan keadaan ekonomi negara kita ini akan bertambah cerah pada tahun-tahun yang akan datang ini dan ini adalah satu gambaran yang mengembirakan kita. Umpamanya dalam sektor-sektor pertanian yang dijangka akan bertambah 7% ataupun \$350 juta dalam tahun 1977 ini. Begitu juga dari sektor perlombongan yang dijangka ataupun yang diramalkan akan bertambah 10%, sektor perkilangan 15% umpamanya, lebih-lebih lagi mengenai nilai yunit getah yang dijangka akan mencapai harga pada tahun hadapan ini \$1.90 ataupun 1.95 bagi sekilo dan mengikut ramalan pada keseluruhannya yang telah dibentangkan kepada kita semua, ekonomi negara kita akan berkembang kira-kira 9% dalam tahun 1977 dan dalam tahun 1978 akan meningkat lebih lagi. Jadi, ini keseluruhannya adalah satu gambaran yang amat mengembirakan kita semua.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkembangan-perkembangan yang mengembirakan ini, bagi saya satu perkara yang saya suka menyebutkan disini atau mengingatkan pihak Kerajaan kita bahawa di dalam perkembangan-perkembangan ataupun kemajuan keseluruhannya itu hendaklah difikirkan sama supaya rakyat yang berpendapatan rendah dapat menikmati sama kemajuan-kemajuan yang dicapai di negara kita. Pada pandangan saya pada masa-masa yang sudah ini walaupun negara kita mencapai kemajuan yang pesat, tetapi bagi penduduk-penduduk di kampung atau khususnya bagi rakyat yang berpendapatan rendah, mereka itu masih tetap dengan pendapatan rendah mereka. Maka ada setengah-setengah orang kita mengata-

kan mereka itu juga mendapat nikmat daripada perbelanjaan yang besar yang dicurahkan oleh Kerajaan. Perbelanjaan yang berjuta-juta ringgit untuk dibelanjakan bagi jalanraya ataupun bagi pembinaan bangunan-bangunan yang tinggi ataupun bagi projek-projek yang besar, itu ditafsirkan rakyat berpendapatan rendah juga dapat menikmatinya. Saya mengakui keseluruhannya itu, tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa segala wang yang dicurahkan oleh Kerajaan ini dinikmati sama oleh orang-orang yang berpendapatan tinggi atau orang-orang yang berpendapatan lebih. Jadi kalau kita mengukur dari segi ini bagi orang-orang yang berpendapatan rendah, mereka itu tetap berpendapatan bulanan untuk menyara hidup anak isterinya itu tetap rendah. Walaupun pada setengah-setengah umpamanya, kepada kaum nelayan mereka itu dapatlah lebih sedikit kerana harga ikannya itu mahal sedikit daripada dahulu ataupun orang-orang yang menoreh getah mereka dapat sedikit tambahan. Tetapi dengan bertambahnya kemajuan negara kita dan bertambahnya harga barang-barang keperluan harian, maka berbaliklah mereka itu kepada keadaan yang lama, walaupun mereka itu bertambah pendapatannya \$10 hingga \$20 sebulan tetapi oleh kerana keadaan harian harga barang semua sekali naik maka mereka itu tetap sebagaimana biasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini, pada pandangan saya jurang di antara orang yang berpendapatan rendah dengan orang yang berpendapatan tinggi amatlah jauh. Sehingga sekarang ini pada pandangan saya Kerajaan kita masih belum berjaya untuk meningkatkan pendapatan orang-orang yang berpendapatan rendah dan untuk menahan orang-orang yang berpendapatan tinggi itu supaya bertahan. Jadi kalaulah keadaan ini berterusan maka saya rasa matlamat Kerajaan untuk memberi kesenangan kepada seluruh rakyat di dalam negara kita ini jauh lagi daripada sampai ke matlamat yang sebenarnya. Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu dan mengesyorkan kepada Kerajaan kita dalam membuat projek-projek ataupun dalam menentukan peruntukan pembangunan di masa-masa yang akan datang supaya benar-benar memikirkan, supaya benar-benar mengkaji mudah-mudahan mereka itu dapat menikmati daripada apa yang dicurahkan oleh Kerajaan. Umpamanya, Kerajaan mengeluarkan wang \$2 juta untuk

membuat jalan dan memang betul jalan itu dilalui oleh mereka itu tetapi di dalam jumlah \$2 juta itu kalau kita siasat dan kaji, tak berapa sen, tidak berapa ringgit dan tidak beratus yang dapat dicapai atau yang dapat dinikmati oleh rakyat umum. Ini kerana negara kita ini mencapai kemajuan amat pesat ataupun pesat sekali yang tidak dapat dicapai dan tak dapat diikuti oleh orang-orang kampung atau orang-orang kebanyakan. Jadi kalau peruntukan yang beribu juta ini dicurahkan kepada orang-orang luar bandar khususnya kaum bumiputra hanya melihat sahaja dan dapat nikmat melalui ataupun melihat pembangunan-pembangunan ini.

Pada hemat saya, pembangunan-pembangunan seperti ini tidak mempunyai erti yang besar kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Oleh itu, saya merayu kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan yang mempunyai sangkut-paut secara langsung dengan orang-orang kampung supaya dapat memikirkan satu-satu cara dan satu-satu jalan yang boleh orang-orang kampung menikmati seterusnya. Walaupun, umpamanya pihak Kerajaan meramalkan harga getah akan mencapai harga \$1.90 atau \$1.95 bagi sekilo pada tahun hadapan ini tetapi harga yang sebenarnya yang dapat diterima oleh rakyat tidak lebih daripada 80 sen ataupun 85 sen sekati. Jadi, kalau dikira secara itu, memanglah kita dapat bangga bahawa harga getah kita memang naik. Inipun pihak orang-orang kampung ataupun penoreh getah berterima kasih, bersyukur bukan menafikan usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan, tetapi apa yang mereka itu mahu supaya harga yang naik begini tinggi, mereka itu juga dapat benar-benar menikmati harga yang tinggi ini. Jangan harga yang tinggi ini dibolot, diambil oleh orang-orang di peringkat pertengahan, bukan di peringkat orang-orang yang bekerja bertungkus-lumus menanam getah, menoreh getah, tetapi peringkat mereka yang membeli dan memproses itu, mereka ini akan dapat membolot keuntungan yang berlebih-lebihan. Ini yang saya maksudkan dan ini yang saya rayukan.

Begitu juga dalam soal-soal perikanan, umpamanya. Jadi sehingga sekarang ini dalam kawasan saya kebanyakannya adalah kaum-kaum nelayan apabila kita menerangkan sesuatu mengenai kemajuan yang diusahakan oleh Kerajaan, maka kadangkala kita menerima tempelak katanya

Yang Berhormat, yang saya ini bekerja nelayan sudah 10 hingga 20 tahun, tetapi masih tetap berpendapatan sebagaimana dahulu. Di manakah wang-wang yang dilaungkan, kemajuan yang dilaungkan, pendapatan tinggi yang dilaong oleh pemerintah? Ini adalah satu masalah yang saya rayu kepada Menteri yang berkenaan memikirkan yang sebenar-benarnya, memikirkan sungguh-sungguh supaya pendapatan kaum-kaum ini dapat ditambah daripada apa yang mereka itu terima hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka juga memberi pandangan dalam masalah kaum bumiputra ataupun orang-orang yang berpendapatan rendah, sekarang ini mereka cuba berikhtiar untuk mengikut jejak ataupun untuk menyahut seruan yang dibuat oleh Kerajaan dalam usaha-usaha perniagaan yang kecil-kecil. Apa yang kita hadapi pihak Kerajaan memang melaungkan bahawa Kerajaan bersedia memberi bantuan kepada peniaga-peniaga kecil; Kerajaan bersedia memberi pertolongan kepada peniaga-peniaga kecil bagi merebut apa yang diprojekkan oleh Kerajaan supaya mereka itu dapat sedikit sebanyak merasa nikmat daripada wang yang beribu-ribu juta ini. Tetapi malangnya, kebanyakan peniaga-peniaga kecil. Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka itu menghadapi masalah modal, masalah kewangan maka mereka itu cuba hendak meminjam daripada pihak-pihak yang tertentu tetapi kepada peniaga-peniaga kecil ini amat sukar sekali mendapat pinjaman. Sebagaimana kita semua maklum bahawa peniaga-peniaga kecil ini mempunyai modal yang amat terbatas dan amat sedikit sekali. Apabila tidak diberi bantuan pinjaman ataupun kemudahan-kemudahan maka sudah tentulah mereka itu tidak dapat hendak pusingkan modal mereka itu, langsung terus lingkup dan mati perniagaan. Begitulah seterusnya bangkit seorang dan lingkup pula. Jadi kalau kita hendak jumlahkan daripada 100% Bumiputra yang cuba hendak berniaga tidak sampai 10% atau 15% yang dapat hidup terus-menerus. Oleh kerana beberapa kesukaran-kesukaran itulah saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya dapat memikirkan dan menimbang-nimbang apakah caranya bagi membolehkan Bumiputra yang hendak berniaga itu dapat terus maju di dalam lapangan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga di dalam perusahaan-perusahaan lain. Umpamanya, perusahaan kain batik. Jadi kalau di Pantai Timor, kita terkenal dengan perusahaan-perusahaan batik, tetapi oleh kerana keadaan dan oleh kerana peraturan demi peraturan yang telah dibuatkan oleh Kerajaan sehingga menyebabkan banyak bahan-bahan batik ini melambung tinggi harganya dan sukar pula didapati. Umpamanya, bahan kain putih Kerajaan kita telah membuat peraturan-peraturan yang tertentu yang menyebabkan pihak pembatik-pembatik ini susah hendak mendapat bekalan kain putih. Kerajaan memberi jaminan, Kerajaan ada mempunyai kilang-kilang yang tertentu yang disertai sama oleh Perbadanan-perbadanan Kerajaan, umpamanya, KIMA ataupun sebagainya, maka jaminan ini kadangkala dipermain-mainkan sehingga sampai kadangkala terputus bekalan. Kalau bekalan tidak putus pun bekalan yang dibekalkan di dalam negeri ini amat tinggi harganya, kalau dibandingkan dengan apa yang boleh didapati daripada luar negeri, tetapi Kerajaan kita memaksa supaya rakyat kita ini membeli kain-kain putih yang dibuat di dalam negeri ini. Ertinya secara tidak langsung menekan mereka ini yang sepatutnya dapat membeli kain putih dengan harga yang lebih murah, maka dipaksa pembatik-pembatik itu membeli dengan harga yang lebih mahal.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa Kerajaan kita menyedari sekarang ini ada di antara pembatik-pembatik kita di Kelantan dan di Trengganu yang telah lari ke Singapura, membuat batik di Singapura dan di Singapura sekarang ini mengeluarkan batik yang boleh dikatakan besar jumlahnya, dan ini tidak dapat ditandingi oleh pembatik-pembatik yang ada di negeri kita. Jadi secara tidak langsung ini menekan pengusaha-pengusaha batik yang ada di dalam negeri kita, bagi mereka yang boleh lari, mereka itu lari ke Singapura. Digaji oleh taukeh-taukeh di Singapura membuat batik di Singapura dan mengeluarkan batik di Singapura. Apa yang dibuat di Singapura itu adalah sama qualitinya dengan yang dibuat di Kelantan ataupun di Trengganu bahkan lebih lagi dan mereka itu dapat menjual dengan harga yang lebih murah. Jadi ini adalah suatu penekanan yang tidak langsung. Mungkin tidak dirasakan oleh setengah-setengah pihak yang berkenaan. Tetapi ini yang berlaku sekarang ini dan saya merayu kepada

Kerajaan kita supaya menyedari hakikat ini dan mencari jalan supaya pengusaha-pengusaha batik ini dapat hidup. Jadi kalau mereka itu boleh dapat kain putih dengan harga yang lebih murah di luar negeri apalah salahnya Kerajaan memberi peluang kepada mereka itu mendapat kain putih yang lebih murah. Jadi kalau kita hendak menimbangkan satu pihak sahaja hendak menimbang pihak perindustrian, pihak kilang sahaja tidak menimbangkan pihak pembeli maka saya rasa ini satu perkara yang kurang adil. Walaupun pihak Kerajaan sendiri memikirkan supaya dapat memberi kebenaran kepada rakyat di dalam negeri ini mendirikan kilang kain putih sendiri kepada mereka yang mampu, janganlah sangka kita membataskan. Saya bersetuju soal hendak membataskan ini tetapi jangan sangat membataskan sehingga sampai terkorban orang-orang yang telah mengusahakan perkara-perkara yang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, sama juga halnya dengan gula umpamanya, gula sekarang ini, gula di luar negeri telahpun turun harganya. Bahan mentah di luar negeri telahpun turun harganya tetapi kepada rakyat di dalam negeri kita masih membeli dengan harga yang lama. Ini mungkin pihak Kerajaan kita menimbangkan supaya kilang-kilang gula di dalam negeri ini dapat terus maju dan terus hidup tetapi tidak memikirkan apakah sepatutnya rakyat ramai di dalam negara kita ini dapat menikmati harga gula yang boleh dibeli dengan harga yang lebih murah. Kalau Kerajaan membenarkan gula-gula daripada luar negeri ini dapat dimasukkan dengan tidak sampai ke peringkat menutup kilang-kilang gula yang ada di dalam negeri ini tetapi rakyat dapat menerima dan dapat menikmati harga yang lebih murah dua ataupun tiga sen bagi satu kati maka secara tidak langsung Kerajaan kita menekan, memaksa rakyat kita membeli dengan harga lebih mahal tiga atau dua sen satu kati. Ini satu kezaliman bagi pandangan saya. Sepatutnya benda yang seperti ini Kerajaan kita selalulah mempertimbangkan, jangan memaksa, menyusahkan rakyat kita dan jangan paksa rakyat kita menerima barang yang tidak sepatutnya mereka itu terima. Jangan paksa rakyat kita membayar harga yang tidak sepatutnya mereka itu bayar. Rakyat boleh membayar dengan harga yang sepatutnya mereka itu bayar, tetapi kalau disebabkan

oleh peraturan-peraturan Kerajaan kita, Undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan kita menyebabkan rakyat itu membayar dengan harga yang tidak sepatut mereka itu bayar maka itu adalah suatu kezaliman bagi pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah saya rasa di dalam pembangunan yang begini pesat di dalam projek yang begini banyak di dalam perkembangan ekonomi kita yang agak membanggakan ini, biarlah sama-sama rakyat di dalam negara kita ini dapat menikmati sama apa yang dibuat, apa yang dibangga oleh Kerajaan. Jangan setengah golongan sahaja dapat berbangga tetapi segolongan lagi tidak dapat berbangga. Kita mahu semua rakyat di dalam negara kita ini dapat menerima kebanggaan ini, dapat menikmati kemajuan-kemajuan yang diusahakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka juga menyebut sedikit mengenai pelarian-pelarian Vietnam. Apa yang berlaku di akhir-akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, di negeri lain, saya kurang pasti, tetapi di pantai-pantai negeri Trengganu boleh dikatakan kerap benar pelarian-pelarian Vietnam ini mendarat. Saya tidak hendak menuduh sesuatu, saya tidak menuduh motif yang tertentu dalam perlarian ini. Tetapi satu perkara yang menjadi tandatanya kepada saya kenapakah mereka itu boleh belayar daripada Vietnam sampai ke muka kuala negeri kita lantas terus bot-bot ini bocor dan tenggelam. Adakah ini sudah dipelan, sudah diarah dan sudah difikirkan dari Vietnam untuk masuk ke muka kuala negeri kita dan apabila sahaja orang ini mendarat bot itu tenggelam. Ini menimbulkan tandatanya kepada kita. Adakah mereka ini benar-benar pelarian? Adakah mereka ini lari ataupun mereka ini hendak dilarikan dan hendak ditempatkan di sini. Pelarian-pelarian ini sedikit-sebanyak menyusahkan kakitangan kita walaupun bantuan makan dan sebagainya diberi oleh Persatuan Palang Merah Antarabangsa, tetapi kakitangan kita, pegawai-pegawai kita yang bertugas memang banyak untuk mengelolakan mereka. Saya menyeru kepada Kerajaan supaya menyasat dan menyelidiki motif sebenar pelarian-pelarian ini yang mendarat di pantai-pantai negeri kita agar kita tidak akan terkena tipu ataupun tidak akan dikenakan helah-helah yang akan dibuat oleh mereka itu. Kita memang tahu pelarian-pelarian Vietnam ini adalah daripada negara Vietnam yang telah dime-

nangi oleh kominis. Sepatutnya pihak berkuasa negeri kita berwaspada supaya jangan pengaruh-pengaruh ini dapat direbakkan ataupun diluaskan di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Undang-undang dalam negara kita ini yang telah memberi jaminan di dalam Dewan kita dan di luar Dewan bahawa Kementerian yang berkenaan akan membawa satu Rang Undang-undang Moral di dalam negeri ini. Walaupun jaminan-jaminan ini kita terima dengan baik, tetapi saya tidak tahu apakah bentuk dan caranya. Saya menunggu-nunggu supaya Undang-undang Moral atau Undang-undang Akhlak ini dapat dibawa dengan seberapa segera yang boleh, lebih-lebih lagi ini adalah sebagai menyahut apa yang tercatat dalam Prinsip Rukunegara iaitu "Kesopanan dan Kesusilaan." Kalau kita menangguhkan Rang Undang-undang ini hendak dibawa, saya rasa amatlah rugi kepada kita semua dan saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya bersungguh-sungguh dalam merangka Rang Undang-undang ini dan moga-moga Rang Undang-undang ini apakala dibentangkan kelak tidak akan mengecewakan mana-mana pihak dan dapat dijalankan dengan baik di dalam negara kita. Saya merayu Kementerian yang berkenaan supaya segera membawa Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh sedikit mengenai dadah yang sedang merebak di dalam negara kita ini. Saya berterima kasih kepada Kementerian yang berkenaan yang bertindak terhadap pengedar-pengedar dadah ataupun penagih-penagih dadah. Tetapi apa yang saya tahu dan apa yang saya nampak sekarang ini tindakan yang diambil oleh pihak yang berkenaan itu tidak memuaskan sebabnya kita nampak sekarang ini masalah dadah dan pengedaran dadah ini bukan semakin berkurangan, tetapi semakin berleluasa. Saya berharap kepada pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab dalam masalah ini supaya membuat tindakan-tindakan yang lebih keras dan lebih hebat lagi. Janganlah pula sebagaimana yang berlaku di setengah-setengah tempat umpamanya. Apabila orang ramai memberitahu kepada pihak yang berkenaan di sini ada sarang menghisap dadah, pihak yang berkenaan melengah-lengahkan untuk mengambil tindakan. Ini satu perkara yang tidak

baik sebab kalau orang kampung ataupun orang ramai memberi sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan memberitahu di sini ada sarang dadah, di sini ada tempat pengedaran atau seumpamanya hendaklah pihak yang berkenaan mengambil tindakan dengan segera dan patut diserbu atau sebagainya. Bagi orang ramai mereka ini tidak payah kalau hendak jumpai sarang-sarang pengedaran dadah, dan apabila kita tanya kepada mereka, mereka mengatakan telah memberitahu pihak yang berkenaan, tetapi pihak yang berkenaan tidak mengambil tindakan. Ada setengah-setengah tempat sampai 30—40 orang menjadi penghisap dadah dan sebagainya dan menunggu pengedar-pengedar kecil untuk mendapatkan dadah. Apabila saya bertanya, mereka mengatakan sudah diberitahu, tetapi tindakan yang berkesan tidak diambil oleh pihak yang berkenaan. Kalau tempat-tempat yang tidak diberitahu ini saya tidak menafikan, tetapi tempat yang sudah diberitahu seperti ini hendaklah diambil tindakan yang segera dan tindakan yang sepatutnya diambil supaya perkara-perkara ini tidak berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kepada penagih-penagih dadah ini kalau sekarang ini kita bawakan mereka ini ke pusat-pusat pemulihan, pada fikiran saya hukuman ini bukan sahaja diberikan kepada pengedar-pengedar dadah, tetapi hendaklah Kerajaan menghukum sama kepada penagih-penagih dadah ini. Sebabnya kalaulah seorang penagih itu ditangkap dan kita bawa ke tempat pemulihan, apabila mereka dibebaskan, mereka akan ketagih balik. Saya rasa hukuman ini lambat kesannya dan kesannya tidak seberapa. Selain daripada kita bawakan mereka ini ke pusat-pusat pemulihan hendaklah mereka ini juga dihukum dengan hukuman yang sepatutnya samada dipenjarakan ataupun sebagainya. Kalau sekiranya Kerajaan kita tidak mengambil tindakan yang tegas maka masalah dadah ini akan merebak dengan cepat sekali. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita dapat tahu kalau dahulu berlaku di bandar-bandar besar sahaja atau di sekolah-sekolah besar sahaja yang telah dimasuki pengaruh dadah, tetapi apa yang kita dapati sekarang ini telah mempengaruhi sekolah di kampung, di bandar kecil pun telah diresapi dan dipengaruhi oleh salahguna dadah. Dan ini bukan sahaja merugikan Kerajaan tetapi merosakkan moral anak-anak kita, sedangkan anak-anak yang

terlibat itu, ibu-bapa mereka itu duduk jauh, tidak tahu apa yang berlaku kepada anak mereka itu. Sebab ibu-bapa mereka apabila dihantarkan anaknya ke sekolah, ke asrama ataupun ke rumah sewa untuk belajar, maka mereka itu sudah tentu tidak mengetahui apa yang berlaku kepada anak-anak mereka. Jadi sudah tentulah ibu-bapa mengharapkan kepada suatu undang-undang, mengharapkan kepada peraturan, mengharapkan kepada pihak yang berkuasa di sekolah, bahkan pihak Kerajaan supaya mengawal anak-anak mereka itu supaya tidak dipengaruhi dadah.

Saya yakin dan percaya tidak ada seorompok ibu-bapa yang suka anak mereka menghisap dadah. Saya percaya tidak ada seorompok ibu-bapa yang suka anak ketagih dadah, tetapi perkara ini berlaku sehingga apabila penyakit mereka itu merebak, betul-betul ketagih mereka itu sanggup hendak memukul ibu-bapanya sendiri. Jadi ini adalah satu perkara yang amat malang sekali kepada negara kita. Saya tidak mempersoalkan dadah ini samada dipengaruhi oleh komunis atau tidak. Itu terserahlah kepada pihak yang berkenaan, tetapi apa yang saya persoalkan di sini ialah akibat daripada penagihan dadah, berleluasannya pengedaran dadah itu, anak-anak kita akan menjadi rosak dan keciwa dalam segala-galanya. Oleh itu saya merayulah kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil berat, supaya memperkuat lagi gerakan untuk menghapuskan salahguna dadah ini, dan supaya mengadakan undang-undang supaya orang-orang yang menghisap dadah itu juga turut dihukum dengan tegas. Mudah-mudahan dengan ikhtiar kita yang bersungguh-sungguh ini dapat mengurangkan kalau tidak menghapuskan daripada merebaknya pengaruh dadah itu.

Selain daripada itu saya suka juga menyebut mengenai masalah perancang keluarga. Apa yang saya tahu di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan hendak menumpukan projek perancang keluarga dengan sungguh-sungguh khususnya di kawasan luar bandar. Saya berpendapat kalaulah perancang keluarga itu diperhebatkan di luar bandar, sedangkan yang menjadi masalah kepada mereka itu bukan masalah tidak cukup tanah, bukan tidak cukup makan dan sebagainya. Jadi kalaulah diperhebatkan rancangan ini, saya bimbang dan khuatir di satu masa nanti kita akan dapati bahawa orang Melayu yang duduk di luar bandar itu

akan berkurangan dan orang yang duduk di dalam bandar akan bertambah, maka perimbangan ini tentulah akan menjadi tidak sihat. Bukan saya maksudkan supaya orang-orang yang benar-benar patut menerima perancang keluarga itu ditahan daripada menerimanya seumpama orang yang sakit dan sebagainya, tetapi apa yang saya dapat tahu sekarang ini memang bijak orang-orang perancang keluarga itu, saya mengakui mereka memang bijak, bijak dalam penerangan, bijak dalam kempen dan bijak dalam segala-galanya. Sebab saya katakan kebijakannya orang perancang keluarga itu pil-pil bukan diberikan kepada orang yang telah mempunyai keluarga. Ada kalanya orang yang belum mempunyai keluarga atau mempunyai seorang anakpun menerima rancangan itu. Dan mungkin ini akan dijawab oleh pihak yang berkenaan, ini bertentangan dengan dasar.

Saya bersetuju bertentangan dengan dasar, tetapi apa yang saya nyatakan adalah perkara yang berlaku sekarang ini. Bukanlah diberikan kepada orang yang mempunyai anak tiga, empat atau lima tetapi kepada orang yang belum mempunyai keluarga, orang yang belum mempunyai anak pun juga mengamalkannya. Jadi kalaulah perkara ini dikempen berhabis-habisan sehingga dapat diterima oleh gadis-gadis keseluruhan merasakan nikmatnya pil perancang keluarga, sehingga sampai satu-satu keluarga itu tidak mempunyai anak atau seorang anak sahaja, apa akan jadi kepada negara kita di satu masa yang akan datang. Maka di waktu itu kita akan dapati orang di luar bandar telah berkurangan, tetapi penduduk di dalam bandar akan bertambah dan perimbangan ini adalah tidak baik. Saya tidak bersetuju kalaulah perkara ini berlaku. Oleh itu saya merayulah kepada pihak perancang keluarga ini supaya benar-benar berhati-hati, supaya benar-benar mengawal undang-undang yang mereka buat sendiri. Janganlah hendak dimajukan perancangan keluarga itu sehingga pil-pil itu boleh didapati di mana-mana sahaja. Sepatutnya pil-pil perancang keluarga itu tidak boleh didapati di luar daripada pegawai-pegawainya sahaja, dan janganlah pil-pil itu boleh didapati di kedai-kedai sengseh dan sebagainya. Pil-pil itu hendaklah dikawal betul-betul dan diberikan kepada orang-orang yang benar-benar patut diberikan pil perancang keluarga itu sahaja. Janganlah dibuka dengan seluas-luasnya.

Saya amatlah kesal sekali mengenai apa yang berlaku sekarang ini dan saya nyatakan sekali lagi di sini saya amat dukacita apa yang berlaku sekarang ini begitu leluasa sekali di dalam negara kita. Saya amat tidak bersetuju kalau perancang keluarga ini hendak diperhebatkan di luar bandar sebab apa yang saya nampak walaupun alasan pihak perancang keluarga menyatakan penduduk-penduduk itu ada mempunyai anak tiga orang sudah tidak mampu, tetapi apa yang saya nampak di luar bandar kalau ada anak seorang pun kadang-kadang banyak juga yang miskin. Ada yang mempunyai anak tiga, empat atau lima pun tidak sesusah orang yang mempunyai anak satu sahaja. Jadi di manakah letaknya kepercayaan kita kepada Tuhan? Di manakah letaknya kepercayaan kita kepada Tuhan kepada jaminan Tuhan yang akan menanggung, akan memberikan nafkah atau memberikan makanan kepada makhluk-Nya. Jadi seolah-olah pihak perancang keluarga itu telah hilang kepercayaan kepada Tuhan dari segi ini.

Saya harap pihak yang bertanggungjawab supaya benar-benar jujur sekurang-kurangnya memperketatkan undang-undang dan peraturannya diamalkan sungguh-sungguh oleh mereka itu, jangan pandai membuat undang-undang sahaja tetapi tidak mengawal undang-undang itu. Jika tidak diatasi, ini menimbulkan suatu kekesalan dan saya nyatakan ini adalah kekesalan rakyat terhadap apa yang berlaku sekarang.

Saya juga suka menyentuh mengenai masaalah Jabatan Kesihatan. Apa yang saya diberitahu banyak repot ataupun tuntutan daripada pihak hospital di negeri-negeri umpamanya di Trengganu atau Kelantan minta kepada peringkat Pusat, meminta ubat-ubat tertentu, meminta alat-alat tertentu, tetapi banyak yang dipotong oleh pihak Pusat sendiri, sedangkan pihak Pusat tidak tahu apakah sebenarnya yang berlaku di hospital negeri. Jadi kepada pihak pakar atau pihak yang bertanggungjawab di hospital negeri itu apabila mereka meminta ubat dari pihak Pusat, apakah salahnya pihak Pusat itu memenuhi tuntutan mereka itu. Laporan mereka itu patutlah diterima. Janganlah seperti yang selalu berlaku iaitu pihak berkenaan di Kuala Lumpur ini pandai-pandai sahaja memotong permintaan itu sedangkan dia tidak menyiasat dengan sehalus-halusnya apa yang berlaku di hospital negeri.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sehingga sampai kadang-kadang terpaksa doktor-doktor di negeri itu menukar ubat fasal ubat yang berkenaan diminta tidak dihantar, dipotong oleh pihak di Kuala Lumpur. Maka terpaksa doktor di negeri itu mengubah beri ubat lain, cuba semula sedangkan dia sudah tahu orang ini sudah sesuai dengan ubat ini tetapi bila diminta pihak di Kuala Lumpur tidak menghantar, tidak membekalkannya. Kalau membekalkannya pun terlampau sedikit, potong daripada apa yang diminta yang menyebabkan kesusahan bagi pihak hospital di negeri-negeri dan ini menjadi kesusahan kepada orang ramai pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada pihak yang berkenaan di Kuala Lumpur ini kalau hendak memotong ataupun hendak menjimatkan pun hendaklah tahu benar-benar keperluan yang ada di negeri-negeri yang berkenaan. Jangan pula oleh kerana barang itu terbatas maka hendaklah ditumpukan di hospital-hospital di Kuala Lumpur sahaja dan kalau sudah cukup dan sudah genap di hospital-hospital Kuala Lumpur, barulah hendak dihantar ke negeri-negeri. Saya rasa amalan seperti ini amatlah tidak baik. Kalau sedikit pun, berilah, biar sama rata jangan mengeciwakan pesakit-pesakit yang berada jauh dari bandar Kuala Lumpur. Jadi kalau hendak mengharapkan semua pesakit yang ada di Trengganu, pesakit yang ada di Kelantan hendak ubat baik terpaksa datang berubat di Kuala Lumpur saya takut bahaya pula di Kuala Lumpur ini. Nanti akan hilang kepercayaan pesakit-pesakit yang ada di negeri-negeri. Dia kata! Oh! kalau kita berubat di negeri ini tidak akan dapat ubat baik. Kalau hendak ubat baik kena berubat di Kuala Lumpur. Saya bimbang kalau terjadi perkara seperti ini maka sudah tentu tidak akan baik akibatnya, akan buruk akibatnya. Oleh itu saya merayulah kepada pihak yang berkenaan supaya memberi layanan yang baik, supaya memenuhi tuntutan-tuntutan yang dihantar, permohonan-permohonan yang dihantar oleh pihak hospital-hospital negeri ataupun Hospital-hospital Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka juga menyebut satu masaalah yang memang kalau daripada negeri ini menerima dan ini memang saya percaya pihak di Pusat

ataupun pihak di Kuala Lumpur ini tidak sedap dengar dan memang rasa pahit dan selalu juga dinafikan. Tetapi saya mempunyai bukti-bukti yang terang dan nyata iaitu sesuatu projek atau perkara yang hendak dibuat di negeri-negeri selalu sahaja pihak di Kuala Lumpur ini menghantar barang-barang yang telah dipakai ke negeri-negeri. Ini satu kemusykilan kepada saya. Apabila disoal, apabila ditanya dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan sebagainya, kita berjumpa dengan pegawai yang berkenaan bertanya kenapa perkara ini baru dibuat tiba-tiba sekarang sekejap-sekejap rosak. Kita dapati injin, mesin yang dihantar ke negeri itu mestinya telah dipakai di tempat lain. Ini satu perkara yang mengeciwakan, memanglah kepada kita penduduk-penduduk di Pantai Timur umpamanya, kita memanglah akui daripada dahulu pun memanglah tidak setanding dengan tempat lain, memang diakui oleh pihak Kerajaan sendiri dan pihak Kerajaan sendiri pun telah memberi pengakuan hendak memberi peruntukan yang banyak supaya dapat diimbangkan di antara Pantai Timur dengan Pantai Barat. Tetapi, kalau hendak imbangkan pun tidak usahlah, pakat, hantar barang-barang yang telah dipakai, aniaya, kesihan kami di sana. Jadi, saya mengharapkan kalau hendak dibuat sesuatu projek, hendak dihantar sesuatu mesin atau injin yang tertentu, hantarkanlah yang baru, jangan tempat lain tidak mahu terima, jangan tempat lain tidak mahu pakai, baru hendak dihantar ke negeri Trengganu dan ini mungkin Menteri yang berkenaan akan menjawab. Perkara ini saya bukan tidak hendak dijawab, saya pun bersetuju juga dijawab tetapi saya merayu supaya pada masa akan datang barang yang telah dihantar, barang yang sudah diterima, kita boleh baiki, tidak mengapa, itu tidak hendak dihantar balik. Tetapi akan datang kalau hendak dihantar injin atau mesin, hantarkanlah yang baru, kasihan kami di sana. Perkara yang sudah berlaku itu sudahlah, tetapi pada masa akan datang, saya minta, saya merayu supaya tidak timbul lagi dalam Mesyuarat Tindakan Daerah atau di negeri-negeri apabila dibangkitkan rosak demi rosak maka dia jawab kita terpaksa menerima bahawa ini sudah dipakai ditempat lain. Jadi ini kita tidak mahu dengar. Kita mahu adil. Kalau betul-betul barang ini sudah condemn, sudah tidak berguna jangan dihantar ke mana-mana, condemn sahaja. Kalau tidak boleh hantar

sebab tidak ada duit tidak usah hantar lagi daripada hantar barang yang buruk, sekejap rosak, tidak usah hantar lagi. Jadi inilah yang saya rayu kepada pihak yang berkenaan semoga pada masa-masa yang akan datang hendaklah bertindak, hendaklah melakukan keadilan di antara kita sesama negeri ini baik di mana sahaja, di Pantai Barat, di Pantai Timur ataupun di mana-mana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mahu menyebut satu lagi mengenai masaalah projek perumahan di bawah Kementerian Perumahan dan Perkampungan. Kementerian ini memang sudah lama ditubuhkan, saya sedar, memang lama telah ditubuhkan dan memang banyak telah dibuat, walaupun dahulu namanya Kementerian Perumahan dan Kampung Baru. Saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana mengubah nama ini daripada Kementerian Perumahan dan Kampung Baru kepada Kementerian Perumahan dan Perkampungan sebab kalau disebut Kampung Baru mungkin sedikit sahaja yang dapat dinikmati oleh orang-orang Melayu, sebab hampir keseluruhan Kampung-kampung Baru ini bukan terdiri dari orang bumiputra. Kemudian diubah kepada Kementerian Perumahan dan Perkampungan. Dengan perubahan nama ini, saya berharap di bawah Perkampungan ini akan meliputi kampung-kampung yang ada di Pantai Timur, orang-orang Melayu di Pantai Timur. Memang orang-orang Melayu di Pantai Timur pun menunggu pemberian projek, kemudahan yang akan diberi oleh Kerajaan. Bukan orang Kampung Baru sahaja yang mustahak, yang perlu kepada bantuan perumahan, perlu kepada kemudahan jalan, tetapi di bawah peruntukan Kementerian ini, saya mengharapkan Kementerian ini berlaku adil. Beri sama peruntukan-peruntukan dan projek-projek kepada kami di perkampungan-perkampungan, beribu-ribu kampung yang ada di Pantai Timur sedang menunggu. Saya tidak mahu pada masa-masa yang akan datang, kita akan mendengar walupun diubah daripada Kementerian Perumahan dan Kampung Baru kepada Kementerian Perumahan dan Perkampungan maka Kampung Baru juga akan terus menerus mendapat nikmat dan terus menerus mendapat kemudahan-kemudahan sedangkan perkampungan-perkampungan yang ada berselerak di seluruh negara kita ini tidak dapat menikmati, tidak akan merasai nikmat-nikmat yang diperuntukkan di bawah Kementerian ini.

Saya tahu Kementerian ini juga mendapat peruntukan yang besar di dalam projek Rancangan Malaysia Ketiga ini, maka dengan sebab itulah saya suarakan di sini pada hari ini. Saya mahu menunggu adakah projek-projek ini akan sampai ke perkampungan-perkampungan Melayu dalam kawasan saya ataupun di Pantai Timur. Kalau dahulu kita tidak boleh hendak musykilkan sebab di bawah Perumahan dan Kampung Baru maka Kampung Baru tidak ada, di tempat saya tidak ada Kampung Baru. Jadi sekarang ini sudah berubah, saya menunggu. Saya hendak tengok Kementerian ini sudi atau tidak menghantar projek-projek ke perkampungan di kawasan saya ataupun di Pantai Timur. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya hendaklah bersikap adil dalam pemberian peruntukan projek-projek di bawah Kementerian ini dan saya harap rakyat di dalam kawasan saya akan dapat menerima sama nikmat-nikmat yang akan diberi oleh Kerajaan, peruntukan yang diberi oleh Kerajaan di bawah Kementerian ini.

Itulah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya.

4.50 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita membahas Budget ini negara kita sedang digugat oleh beberapa perkara yang benar-benar mengganggu ketenteraman rakyat sekalian. Kita Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentunya diamanahkan untuk menghapuskan gangguan-gangguan ini seberapa daya yang boleh. Gangguan-gangguan itu yang paling besarnya ialah komunis kerana ianya mencekup pemerintahan yang melibatkan seluruh rakyat di segenap pelusuk negara. Manakala dadah, keruntuhan akhlak dan sebagainya adalah mengikut pandangan saya ialah di peringkat yang kedua, kerana ianya satu cara mereka untuk menimbulkan kelam-kabut dalam negeri bagi memuaskan kerja-kerja jahat yang mereka atur.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang jelas dipandangan umum baik pun di kalangan rakyat mahupun di kalangan pemimpin

bahawa aktiviti-aktiviti kominis tidak mendapat sambutan rakyat yang beragama Islam. Tegasnya kata pemimpin-pemimpin kita dan kita sendiri pun tahu bahawa selagi orang Melayu yang tentunya beragama Islam itu tidak menyokong kominis maka selama itulah kominis gagal secara terus-menerus. Dan orang Melayu, Alhamdulillah, sejak berpuluh-puluh tahun dulu lagi telah menunjukkan kesungguhan mereka menentang kominis walau apapun umpan yang ditabur dan walaupun ugutan yang dibuat. Dengan erti bahawa kegiatan mereka rata-ratanya disambut oleh orang yang tidak beragama Islam.

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, masalah kominis di negara ini bukannya masalah Melayu, China atau India. Melayu tidak terima kominis dan yang menerima kominis ialah China dan sebagainya, tidak. Tetapi sebenarnya adalah masalah Islam dan tidak Islam. Yang Islam merasa kewajibannya menolak dan menentang ideologi-ideologi kominis, manakala rakyat yang bukan Islam merasa tidak apa-apa halangan untuk menerimanya lalu mereka menyambut ideologi itu dan sanggup mengorbankan harta-benda dan jiwa raga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dikaji dari segi angka maka bilangan Melayu yang tentunya beragama Islam di Semenanjung tidak termasuk Sabah dan Sarawak mengikut buku Lapuran Ekonomi 1976/1977 ialah sebanyak 5.49%. Manakala India, China dan lain-lain yang sebahagian besarnya tentunya tidak beragama Islam ialah 4.78%. Dan kalau dicampur pula dengan non-Islam di Sabah dan Sarawak maka tentulah yang tidak agama Islam ini melebihi rakyat kita yang Islam. Dalam bentuk angka yang besar lagi berganda daripada angka penganggur itu sendiri yang juga dipandang sebagai satu golongan yang boleh menggugat ketenteraman negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada angka-angka orang-orang yang tidak Islam itu begitu besar dan kemungkinan mereka itu menjadi bahan-bahan mentah untuk diproses oleh kominis menjadi pengikut-pengikutnya di satu masa, minta di jauh Allah azza wajalla, maka demi kesucian Islam serta keikhlasan, kita sekalian dalam menunaikan tugas memerintah negara ini, ingin saya berkata bahawa kita memerlukan kajian yang mendalam dan serius untuk jangka pendek dan jangka panjang mengenai

usaha memperkenalkan Islam pada rakyat kita yang belum lagi bernasib baik mengenali-nya. Kita mesti berfikir secara serious tentang memperkenalkan Islam kepada mereka secara lebih dekat dan lebih berkesan. Setelah jelas dipandang dengan mata kasar kita sendiri bahawa sebab utama orang Melayu yang beragama Islam menolak dan tidak menyambut baik kegiatan dan ideologi kominis itu hanyalah kerana ugamanya. Walau apapun umpan ditabur dan walau apapun ugutan yang dicabar. Ugamanya mengajar bahawa selagi langit dan bumi bersekali dengan isi perutnya ini termasuk manusia itu sendiri tidak dicipta oleh manusia, bahkan diciptakan oleh kuasa lain, maka kuasa lain itulah yang berhak menjadi Tuhan. Dialah yang perlu dipuja dan dipuji, dijunjong dan ditaati. Manakala yang lain daripada yang ingin merebut kuasa dan menyamar diri supaya ditaati dan dipatuhi hukum-hakamnya maka ianya adalah wajib ditolak dan ditumpaskan dimuka bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana ajaran inilah maka segala rupa bentuk menidakkan Tuhan atau menjejaskan kuasa ketuhanannya pasti ditolak oleh orang-orang Islam baik dari bangsa apa sekalipun. Berdasarkan ini, Tuan Yang di-Pertua, maka saya katakan bahawa kita telah tersilap jalan. Kita telah silap jalan membiarkan masalah pengenalan Islam kepada orang-orang yang non-Islam ini sebagai masalah sambilan sahaja. Kita telah membiarkan rakyat kita yang belum bernasib baik mengenali Islam itu duduk bersendirian terapong-apong di lautan fahaman dan ajaran yang tidak terbilang banyaknya di dunia ini. Lalu melekat dihati sanubari mereka bahawa bukan sahaja sama nilainya di antara Islam dan tidak Islam, bahkan lebih daripada itu lagi, hidup beragama itu sama sahaja dengan hidup tidak beragama, asalkan makan-minumnya terjamin dan duduk-bangunnya boleh dilakukan dengan bebas. Sedangkan pandangan sebegini adalah salah, sudah sesat menyebabkan senangnya manusia-manusia begini diproses oleh fahaman-fahaman dan ajaran-ajaran jahat tadi untuk dijadikan penyokongnya.

Kita telah silap, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita biarkan sebuah pertubuhan sukarla yang dikenali dengan nama PERKIM sahaja yang sungguh-sungguh mengendalikan urusan ini terhadap rakyat kita yang non-Islam. PERKIM sahaja nampaknya yang

terpaksa rebah-bangun ke hulu ke hilir sibuk dengan kerja-kerja ini sedangkan memandangkan dari segi ancaman komunis maka ianya bulat-bulat menjadi urusan Kerajaan. Lebih-lebih lagi bila dipandangkan dari kaca mata kita yang telah beragama Islam dan sedang menikmati memerintah negara sendiri, Alhamdulillah, diberi kelengkapan yang cukup untuk mengendalikan usaha-usaha mengenalkan Islam kepada rakyat kita yang non-Islam itu.

Boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada di antara kita yang terasa ragu-ragu tentang riaksi-riaksi yang akan timbul dari cadangan saya ini iaitu untuk memperkenalkan Islam secara lebih dekat dan cara yang lebih berkenaan kepada rakyat yang belum Islam ini. Tetapi saya jawab, Tuan Yang di-Pertua, bahawa yang pertama, cadangan saya ini hanya setakat memperkenalkan Islam sahaja bukan sampai memaksa. Telah menjadi amalan kita memperkenalkan parti-parti politik kepada semua golongan rakyat negeri ini tanpa sebarang kesalahan dari segi undang-undang dan sebarang tentangan terhadap demokrasi. Maka apa salahnya kalau diperkenalkan Islam kepada semua golongan rakyat lebih-lebih lagi ianya telah menjadi ugama rasmi kepada negara ini.

Keduanya, kita janganlah cepat kecut perut memikirkan riaksi-riaksi yang akan timbul kerana dalam hal Bahasa Kebangsaan misalnya, kita telah bertindak lebih jauh dari itu iaitu kita telah rasmikan Bahasa Kebangsaan dan kita telah mengundang-undangan bahasa itu ke atas semua rakyat kita, sekalipun sedikit-sebanyak suara-suara sumbang berbunyi sayup-sayup. Tetapi demi untuk perpaduan dan ketenteraman bersama kita lakukan juga. Maka kalau melalui bahasa kita telah yakin akan perpaduan maka di mana silapnya kalau perpaduan itu dipadukan lebih lagi melalui ugama. Contoh yang paling jelas sekali ialah setelah ujudnya Kerajaan campuran di satu masa dulu kemudian diikuti dengan Barisan Nasional, maka suasana politik yang dulunya begitu keroh pekat, sekarang Alhamdulillah telah tidak dapat dinafikan ianya telah cerah dan nampak masa hadapannya yang cemerlang. Maka apa kata kalau ditambah lagi unsur perpaduan itu dengan langkah tambahan yang baru iaitu memperkenalkan Islam pada mereka yang belum bernasib baik mengenalinya lagi berdasarkan perpaduan yang lebih erat lagi.

Ketiga, kalau Kerajaan sanggup memaksa rakyat kita yang sudah diresapi oleh komunis di kawasan-kawasan pendalaman itu memin-dahkan rumah-tangga mereka, meninggalkan kampung halaman dan harta-benda mereka untuk ditempatkan di kampung-kampung baru serta dipagari dengan pagar berduri walaupun pada lahirnya memaksa dan menyusah, bahkan menghabiskan wang negara beratus, ribu dan berjuta-juta ringgit, maka apa salahnya kita pagarkan hati perut mereka dengan ajaran-ajaran Islam seperti-mana rakyat kita yang telahpun beragama Islam yang telah berjaya memagar hati perut mereka sendiri dari diresapi oleh ideologi-ideologi komunis. Bahkan bukan sahaja menjamin mereka dari diresapi oleh komunis, tetapi akan menjamin juga dari diresapi oleh sebarang tipu daya, nafsu dan diresapi iblis yang selalunya mengganggu ketenteraman kehidupan manusia, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak yang berkenaan memikirkan hal ini secara serious kerana Islam di kalangan orang Melayu itu menjadi aspek terpenting dan ugama memagari ideologi komunis dari meresapi dalam jiwa mereka maka amatlah tidak wajar di-biarkan aspek penting ini luar dari hitungan kita sewaktu memerangi komunis di kalangan rakyat kita yang tidak beragama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu memperkenalkan Islam kepada mereka melalui radio, talivisyen yang menggunakan bahasa China, bahasa Tamil dengan sebanyak mana yang dapat. Tidak lupa juga melalui saluran-saluran biasa, seperti ceramah-ceramah, risalah-risalah dan sebagainya. Usaha ini sekali-kali tidak merugikan sesiapa dan tidak menguntungkan sesiapa. Dia adalah untuk ketenteraman bersama. Sebagai rakyat sebuah negara yang semuanya inginkan tenang, aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, perkara uniform jururawat di hospital kita juga uniform Polis Trafik kita telah banyak diperkatakan dalam Dewan ini. Saya sangat berdukacita di atas berlalutannya perkara ini, kerana biasanya ajaran memakai pakaian dan bagaimana menggunakan pakaian itu selalunya diajarkan kepada anak-anak kecil dan budak-budak sahaja. Adapun orang-orang yang telah dewasa, dan telah berumur seperti jururawat, Polis Trafik dan sebagainya, biasanya orang-orang begini memanglah tidak payah lagi diajar, apakah keperluan pakaian dan bagaimana cara memakainya.

Mereka sepatutnya lebih mengerti keperluan pakaian dan bagaimana cara menggunakan pakaian lebih-lebih lagi kalau mereka itu orang Islam. Kerana takkanlah bila disebut pakaian sebagai seorang manusia bila dipakainya di saat-saat tertentu nampaknya seperti ketika duduk bertenggung atau di tempat-tempat tinggi dan sebagainya, maka jelas kelihatan seperti orang sedang duduk dalam tandas, memperlihatkan tiga per empat dalam bahagian-bahagian sulit. Hal ini bukan sahaja dianggap sumbang oleh ugama Islam tetapi ianya sumbang dipandang oleh seluruh manusia yang mempunyai maruah dan berfikiran waras. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, satu dua perkara yang saya ingin sebutkan hari ini.

5.03 ptg.

Datuk Engku Muhsein bin Abdul Kadir (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk mengemukakan ucapan Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya rasa ucapan ini adalah satu ucapan yang bukan sahaja bernas tetapi juga ucapan yang membayangkan satu hasrat Kerajaan untuk membawa negara kita ini ke jalan yang lebih maju dari satu masa ke satu masa, dan inilah juga saya rasa yang menjadi asas kepada masa depan anak cucu kita. Walau bagaimana pun, sudah tentulah sedikit-sebanyak ada benda yang kurang atau tidak memuaskan, akan tetapi pada keseluruhannya, saya rasa Belanjawan tahun ini patut dan wajib diterima dengan penuh sokongan.

Banyak perkara-perkara cukai dimansuhkan \$60 tax rebate daripada cukai pendapatan adalah satu perkara yang julung kali pada ingatan saya, kalau saya tidak silap, pernah dikemukakan oleh Kerajaan. Tax rebate sebanyak \$60 ini boleh jadi tidak begitu besar ertinya, tetapi saya rasa mudah-mudahan langkah ini bukan buat kali yang pertama dan kali yang akhir tetapi langkah permulaan yang muga-muga dengan majunya hasil dalam negeri kita, dengan majunya kemakmuran negara kita, pihak pemerintah mempunyai kewangan dan hasil lebih banyak daripada berbagai punca dan muga-muga pada tahun-tahun hadapan langkah-langkah yang lebih longgar akan dapat dikemukakan kepada rakyat sekalian.

Sebagai seorang wakil yang datang daripada negeri yang dianggap paling mundur

dalam Semenanjung Malaysia ini yang saya juga sebagai seorang Ahli di sini yang telah beberapa kali begitu lama membangkitkan soal peranan negeri-negeri mundur seperti negeri-negeri Pantai Timur. Saya berharap dan saya rasa inilah menjadi harapan keseluruhan rakyat di Pantai Timur muga-muga melalui Belanjawan ini, muga-muga melalui Rancangan Malaysia Ketiga ini doa dan harapan rakyat negeri-negeri Pantai Timur itu akan berhasil dan jikalau tidak dapat dilihat dalam tempuh yang serta-merta, bersansur-ansurlah pihak negeri-negeri Pantai Timur ini dapat dikemukakan dan pada satu masa nanti akan duduk sama rendah, berdiri sama tinggi di seluruh negeri Malaysia ini. Walau bagaimanapun, saya rasa satu kesungguhan, satu tindakan yang habis-habisan untuk melaksanakan rancangan-rancangan di Pantai Timur terutama di Trengganu mesti diberi perhatian yang paling berat. Begitu acap kali yang mendengar janji-janji, ucapan-ucapan dan berbagai-bagai azam yang dikeluarkan oleh Menteri-menteri ataupun Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, tetapi kadang-kala janji-janji dan segala perkara yang diucapkan itu habis tahun berganti tahun, janji-janji masih belum dapat dikotakan lagi.

Saya sedar kita telah mengadakan pilihanraya tahun 1974 ertinya kita baharu 2½ tahun, masih ada lagi 2½ tahun, boleh jadi pihak-pihak yang berkenaan menganggap ini tidak begitu penting, tunggu setahun lagi bila sampai pilihanraya, tetapi saya percaya sebagai sebuah Barisan Nasional yang bertanggungjawab bukan semata-mata untuk memancing undi tetapi sungguh-sungguh dan insaf untuk berkhidmat kepada negeri dan rakyat. Langkah-langkah yang paling positif yang paling bersungguh-sungguh harus dilakukan. Pihak Menteri-menteri yang berkenaan, saya percaya mempunyai keinsafan, kesedaran dan kejujuran untuk melaksanakan tujuan-tujuan ini. Tetapi adakah kejujuran, kesungguhan dan keazaman itu juga sungguh-sungguh dicurahkan dan diturunkan kepada berbagai-bagai tingkat lapisan untuk mengendalikannya, daripada Menteri kepada Ketua Setiausaha Kementerian, daripada Ketua Kementerian kepada jabatan-jabatan ataupun bahagian-bahagian dalam Kementerian kepada ketua-ketua tingkatan Negeri, ketua-ketua tingkatan daerah kepada Mukim, kampung dan sebagainya, hendak

sampailah ke situlah biasanya, bukan penyelewengan, tetapi perkara-perkara yang sengaja atau tidak sengaja sering berlaku yang menyebabkan niat dan hasrat yang begitu indah dan hangus oleh Menteri-menteri itu hilang di tengah jalan, kalau dapat pun daripada 50 point, 100 point, dapatpun mujur. Ini kejadian-kejadian yang telah berlaku, sedang berlaku dan saya percaya akan berlaku lagi jika langkah-langkah yang sungguh-sungguh tidak dapat dijalankan.

Saya misalkan seperti negeri Trengganu. Pihak Kerajaan Pusat menganjurkan bahkan kalau saya tidak silap memerintah Kerajaan Negeri mengadakan kawasan perindustrian di Kuala Trengganu dekat dengan Lapangan terbang Gong Badak. Kawasan itu telah dibuka, tanah rakyat telah diambil (acquired) dan dibersihkan, bekalan api dan air telah dimasukkan tetapi tinggallah kawasan itu sebagai padang saujana, satu bangsal buruk—perusahaan pun tidak ada. Bukan kerana Kerajaan Negeri tidak bersungguh-sungguh dan bukan pula pihak-pihak jabatan berkenaan seperti FIDA dan lain-lain tidak bersungguh-sungguh, saya tahu bahawa mereka bersungguh-sungguh tetapi sambutan tidak ada. Oleh kerana kalau saya pun seorang industrialist, saya lebih senang dan suka membuka kilang saya di Sungai Petani atau di Melaka atau tidak begitu jauh daripada pelabuhan Johor Bahru, Batu Pahat, kerana inilah tempat-tempat yang paling praktikal kerana pengangkutannya murah, technical know-how ada dan lain-lain lagi perhubungan yang menguntungkan. Jadi sudah tentu bagi negeri Trengganu yang paling jauh sekali, tempatnya pula ada musim tengkujuh 3 atau 4 bulan setahun, perhubungan susah, ini menyebabkan mereka tidak menarik. Jangan kata orang lain, saya anak Trengganu pun, kalau diberi peluang, saya akan pilih tempat yang lebih menyenangkan, menguntungkan, sebab kemudahan atau peluang-peluang tarikan cukai dan sebagainya adalah sama.

Bagi negeri Trengganu, Kelantan, Pahang kecuali Kuantan, Melaka dan Kedah, kalau saya tidak silap 5 buah negeri ini diberi kecuialian kemudahan cukai selama 5 tahun, 8 tahun sampai 10 tahun—tidak ada perbezaan. Jadi kalau tidak ada perbezaan tentulah bagi saya Sungai Petani tidak begitu jauh daripada pelabuhan Pulau Pinang, atau Melaka tidak begitu jauh daripada pelabuhan Melaka atau pelabuhan Kelang, begitu juga

di Batu Pahat atau di Mersing ataupun di mana sahaja, tidak begitu jauh daripada pelabuhan Pasir Gudang di Johor Bahru sedangkan di Trengganu, pelabuhan Kuantan pun sedang dibuat dan tidak begitu tentu lagi bagaimana akan jadi. Hendak bawa ke Kota Bharu, Tumpat pun dua kali lima juga. Jadi kalau pihak Kerajaan beri kecuialian cukai 8 tahun atau 10 tahun kepada negeri-negeri seperti Kedah, Melaka, Pahang dan lain-lain, kepada Trengganu patut diberi 20 tahun ataupun 25 tahun, barulah pemodal-pemodal atau pengusaha-pengusaha itu hendak masuk ke situ kerana ada keistimewaan atau digandakan lagi kemudahan-kemudahan lain, pengangkutan misalnya, kalau lori yang datang ke situ, minyaknya tidak dicukaikan. Perkara ini bukan pertama kali saya bangkitkan tetapi sudah dua tiga tahun dahulu pun pernah saya bercakap di sini yang mana Menteri berjanji hendak memberi pertimbangan, tetapi selepas itu habislah, tidak ingat agaknya.

Mengenai dengan perkara-perkara lain pun begitu juga. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini beratus-ratus juta ringgit akan dibelanjakan bagi membekalkan letrik misalnya, tetapi daripada situ berapa yang sebenarnya boleh dibelanjakan. Kalau tidak silap saya Menteri Kewangan pernah memberi taklimat pada minggu lepas menyatakan soal wang tidak menjadi halangan, tetapi soal pelaksanaan. Wang diuntukkan \$100 million pun kadang-kadang \$10 million sahaja dapat dibelanjakan kerana susunan. Misalnya di dalam kawasan saya, rancangan-rancangan mengadakan bekalan letrik ada yang telah semenjak tahun 1971, 1972, 1973 dan sekarang tahun 1976 baru sambung wayar letriknya, tiang sudah 3 tahun didirikan dan kayunya pun hendak reput. Jawapannya, kerana pada masa itu wayar tidak ada dan sebagainya. Ini saya tidak salahkan atau melepaskan bebanan kepada Lembaga Letrik Negara—tidak sekali-kali, tetapi saya rasa satu cara susunan yang lebih sungguh-sungguh mesti dibuat. Kalau tidak cukup wayarnya, tidak cukup alat-alatnya mesti dipesankan begitu rupa. Tentu apabila dibuat rancangan-rancangan ini yang memakan belanja katakan \$100 juta pihak-pihak pegawai yang professional, yang mengerti, yang tahu dalam lapangan ini sedar akan kehendak-kehendaknya. Kalau letrik tentu hendak wayarnya, hendak injinnya, hendak jenis kebel, hendak valve dan lain-lain lagi. Begitu juga kalau hendak buat kilang tentu

dia tahu apa jenis jentera yang dikehendaki dan lain-lain tetapi saya rasa inilah ketinggalan-ketinggalannya. Apatah lagi, kadang-kadang satu-satu projek yang menggunakan pakar-pakar mahir (experts) daripada luar negeri. Kalau tidak silap saya ada berita-berita dalam suratkhbar dua tiga minggu yang lepas banyak kejadian-kejadian yang berlaku iaitu apabila pakar-pakar itu merekomenkan satu-satu benda direkomenkan satu-satu benda direkomenkannya barang-barang daripada negerinya seperti daripada Kanada, Amerika, Jepun dan sebagainya untuk dibawa ke mari. Apabila pakar itu sudah balik ke negeri asalnya dan barang itu telah setahun dua dipakai, barang ganti tidak ada lagi, hendak beli dalam negeri tidak dapat oleh kerana tidak ada yang sesuai. Di manakah silapnya, adakah silapnya daripada pakar yang memberi nasihat ataupun pakar yang berkenaan itu sama silap juga atau sama-sama ada bahagian juga, order barang-barang itu kerana barang-kali, saya bercakap terus-terang—saya tak tuduh, kadang-kadang ada timbul baksisnya, ada komisiennya, ada bahagiannya, tetapi tidak apalah kerana barang ini 10% ada bahagiannya. Order dahulu, pasang (install) di situ, apabila sudah berjalan 6 bulan—stop, maka barang itupun tidak boleh digunakan lagi, hendak ganti alatnya pun tidak ada. Ini kejadian-kejadian yang betul dicakapkan oleh rakyat. Saya kasihan kepada Perdana Menteri, kesihan kepada Menteri Kewangan, Menteri Pertahanan dan lain-lain lagi, kerana mereka ini menanggung segala bebanan dan kasihan kepada Wakil-wakil Rakyat termasuk saya juga, kerana kami terpaksa menjawab perkara-perkara yang orang lain buat; dia makan sedap, kita ternanga-nganga. Ini keadaan yang berlaku. Kita berharap Menteri Kewangan akan mengambil ingatan, kalau beliau tidak ada pada hari ini pun pegawainya ada iaitu satu langkah yang positif, yang sungguh-sungguh hendaklah diambil, bukan berjanji hendak siasat sahaja.

Hari ini 9 haribulan, lebih kurang seminggu lagi sampailah 15 haribulan November. Negeri Trengganu sangat mengambil berat tentang tarikh 15 haribulan November ini, oleh kerana Perdana Menteri ada mengisytiharkan bahawa tarikh 15 haribulan November inilah tarikh akhir berkenaan dengan perjanjian minyak. Kami mengambil berat oleh kerana sebagaimana Tuan Yang di-Pertua, tahu dalam jawapan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada satu soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, daripada 27 telaga minyak di Pantai Timur, itu kalau tidak silap ada 25 telaga minyak di pantai Trengganu, jadi kalau dapat minyak, Negeri Trengganu akan mendapat 5%. Saya tidak tahu dan saya tidak mahu cuba hendak “kacau daun” dalam perjanjian atau pegawai perunding yang sedang berjalan itu, bersama-samalah kita berdoa moga-moga menghasilkan satu keputusan yang baik dan yang menguntungkan. Tetapi saya hendak menarik perhatian samada perjanjian itu berserta dengan baik ataupun tidak, samada PETRONAS boleh bersama-sama dengan Exxon dan lain-lain itu menjalankan kerja itu atau terpaksa bersendirian atau dengan lain-lain pihak, rakyat Trengganu samada dengan cara apapun berharap hasil daripada perusahaan minyak ini segala cara-cara seperti tempat pengkalan (supply base), penyediaan bekalan, pencarian minyak dan lain-lain lagi itu harap ditimbangkan kepada mana-mana sahaja tempat di Trengganu, samada dekat sempadan Kemaman/Kuantan, di Dungun, Besut, dekat-dekat Kota Bharu pun tidak apa juga asalkan dalam sempadan Trengganu. Bukan kita ini selfish, tetapi dari segi perasaan manusia biasa, berilah juga peluang kepada rakyat Trengganu melihat bahawa usaha-usaha begitu dibuat dalam negeri kami, janganlah mentang-mentang Kuantan itu telah diperbesarkan dan sudah ada pelabuhan. Kami dengar dahulu pelabuhan itu sudah direkomen hendak dibuat di Kemaman, tetapi dengan perintah istimewa, tukar buat di Kuantan. Tidak mengapalah dibuat di Kuantan negeri dalam Malaysia juga, tidak jauh 35 batu sahaja dari Kemaman. Tetapi tentang supply base ini dan lain-lain lagi yang sekarang ini dengar khabar pula diberi kuasa kepada PERNAS oleh PETRONAS untuk membuat supply base ini dengan mana-mana orang. Janganlah pula kerana pegawai-pegawai kata tidak practical di Trengganu, kena buat di Kuantan pelabuhan dekat dan sebagainya.

Saya memberi ingat soal-soal begini janganlah semata-mata pandangan dari segi kesenangan diambil kira, tetapi juga pandangan dari segi politik dan lain-lain diambil kira. Kalau tidak, saya terus terang mengatakan rakyat Trengganu tidak memandang begitu tinggi lagi kepada pihak-pihak yang berkenaan. Oleh sebab terang-terang kala-

dibuat di tempat lain, ini satu penghinaan seperti peribahasa Melayu: lembu punya susu, sapi dapat nama. Jadi, janganlah pula mentang-mentang Trengganu ini lemah, Ahli-ahli Parlimen pun tidak ada yang kuat, tidak ada duduk dalam mana-mana tingkatan yang gagah dan maklumlah 7 undi Parlimen sahaja, kalau apa-apa jadi pun Kerajaan boleh terus memerintah, janganlah anggap begitu. Ingatlah dunia ini berpusing-pusing. Banyak kejadian-kejadian telah berlaku. Janda Mao Tse-tung itupun bukan main kuat lagi tahun lepas, Mao Tse-tung pergi, dia kena tangkap. Bukan saya cakap di sini pun boleh jadi begitu—tidak. Tetapi berbagai-bagai perkara yang impossible pada pandangan kita, yang mustahil pada pandangan kita pada masa dahulu telah berlaku hari ini. Maka janganlah pandangan mentang-mentang kami di Trengganu ini terlampau lemah seperti melukut di tepi gantang, maka segala-galanya boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya. Tuhan itu maha kuasa, kadang-kadang doa orang yang dhaif itu dimakbulkan oleh Tuhan. Ingat-ingatlah pihak yang berkenaan.

Saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan pengorbanan yang dibuat oleh Pasukan Keselamatan. Asykar-asykar kita, polis-polis kita dan lain-lain lagi cabang-cabang yang berjuang mempertahankan negara ini samada menentang kominis di sempadan ataupun menentang penjenayah-penjenayah dalam bandar ini. Menentang samsing-samsing, menentang perompak-perompak dan juga kadang-kadang terpaksa menentang penyeludup-penyeludup beras, ganja dan sebagainya. Mereka ini berkorban begitu besar sekali kepada kita dan saya sedar pihak Kerajaan memberi perhatian yang berat kepada mereka ini. Sebab itulah kita dengar dalam tahun ini telah dibuat pengisytiharan bahawa gaji mereka akan dinaikkan, pangkat mereka dan tanggagaji mereka dan juga faedah-faedah lain kepada mereka itu hendak diberi oleh Kerajaan. Saya percaya semua pihak menganggap dan menghargai tindakan Kerajaan ini. Cuma satu sahaja. Ini pun satu perkara yang merunsingkan dan susah bagi saya sebagai Wakil Rakyat hendak jawab. Segala yang Kerajaan cakap itu bagus belaka, tetapi bila hendak dibuat. Lapuran lepas lapuran, kajian lepas kajian, conversion itu, conversion ini terpaksa lambat. Kita sedar, tetapi bagi rakyat biasa yang berjuang itu,

yang pergi berperang di sempadan melawan penganas kominis, yang bersabung nyawa bertembak-tembak dengan perompak-perompak dalam bandar-bandar ini, mereka tidak menunggu lapuran itu, tidak menunggu lapuran ini, dipanggil, masuk uniform, pergi berperang di sempadan, pergi melawan perompak-perompak dalam bandar. Tidak ditanya bila hendak naik gaji aku sebelum pergi ke dalam hutan. Maka atas kisah inilah saya minta segala cerdik pandai, tuan-tuan pegawai yang pintar-pintar dan budiman, silalah berbudi sungguh-sungguh kepada mereka ini.

Saya sedar Kerajaan cukup sungguh-sungguh bukan Kerajaan main-main, tetapi saya harap ialah kelambatan ini walaupun tidak sengaja, walaupun tidak menghampakan tetapi menyedihkan Pasukan Keselamatan: asykar dan polis ini. Tolonglah percepat seberapa boleh, kalau boleh esok pun dilaksanakan, saya rasa sangat wajar dan patut. Kalau kita rugi \$100 juta tidak mengapa, kerana asykar itu boleh tolong kita. Sedangkan pada perkara lain pun kita rugi juga, membazir tidak tentu arah, kadang-kadang beli berbagai-bagai perkara, beli alat itu, beli alat ini kadang-kadang digunakan setahun condemm, beli lain lagi, tidak mengapa. Untuk gaji orang-orang kita, seperti asykar dan polis kita ini, berkira sangat. Inilah yang saya minta.

Satu lagi berkenaan dengan rasuah. Rasuah ini memanglah kita ada B.S.N. yang nampaknya menjalankan tindakan-tindakan yang wajar dan kita haruslah hormati dan beri penghargaan kepada B.S.N. ini. Tetapi pada saya, rasuah ini bukan setakat mengambil wang, makan duit sahaja—tidak. Ponteng kerja pun rasuah juga. Melambatkan satu-satu tindakan pun rasuah juga. Ini yang menjadi masaalah. Satu-satu perkara keputusan itu sampai 6 bulan, sampai setahun, tidak dilaksanakan, bukan makan duit—tidak tetapi lambat. Daripada satu meja ke satu meja fail itu bergerak; macam siput, sedikit-sedikit, hendak komen itu, hendak komen ini. Jadi, saya rasa memanglah patut Kerajaan betul-betul mengkaji satu-satu benda itu dengan halus, dengan teliti, dengan cukup-cukup puas hati, itu memang betul. Cuma teliti atau tidak teliti pun, kalau melampau-lampau lambat, yang menasabah lambat itu tidak patut juga. Inilah yang rakyat pening kepala. Kelambatan melaksanakan satu-satu perkara. Kalau

dihantar surat ke pejabat-pejabat itu, hendak tunggu acknowledgement—penerimaan jawapan pun kadang-kadang sampai sebulan, sebab surat itu kadang-kadang lambat difailkan, sedangkan gaji hendak naik. Bukan saya bantah gaji naik—tidak. Naik, naiklah, tetapi biarlah hak rakyat ini pun dipercepatkan juga sesuai dengan kehendak naik gaji tadi.

Penyelewengan-penyelewengan begini merbahaya, kerana rakyat tidak puas hati. Kita hendak menentang kominis, mengarah supaya rakyat benci kominis dan menentang kominis, tetapi rakyat merasa hampa, rakyat merasa yang dia terbiar kecuali kalau yang datang ke pejabat itu Ahli-ahli Yang Berhormat yang memakai kereta Mercedes dan lain-lain atau pegawai-pegawai kanan atau pegawai-pegawai berpencen yang berkenaan dengan pegawai-pegawai itu, diberi layanan yang cepat. Kalau rakyat marhin yang hanya pakai semutal merah sahaja, kain pelekot, kemeja pun sudah berkulat, tunggu di luar sahaja, kalau hendak hantar surat, beri kepada peon sahaja, harap difailkan, maka perkara-perkara begini sangat merbahaya. Dengan sebab itu saya berharap satu perhatian yang berat diberi. Tidak guna kita hantar yunit-yunit penerangan. Kita ada Timbalan Menteri Penerangan di sini. Bukan saya kata tidak guna—tidak ada faedah—tidak. Ada faedahnya tetapi begitu banyak sekalipun kita hantar yunit penerangan ke kampung-kampung, beritahu rancangan itu, rancangan ini, beritahu faedah itu, faedah ini, tetapi jikalau perlaksanaan pejabat-pejabat Kerajaan itu menghampakan rakyat, menyebabkan rakyat tidak puas hati, maka segala penat lelah wang yang dikeluarkan untuk yunit penerangan, syarahan-syarahan yang diberi itu akan sia-sia sahaja. Bukan tak bagus, bagus syarahan itu, memang betul syarahan itu, tetapi sebab salah sedikit sahaja, kata pepatah Melayu: sebab nila sedikit, rosak susu sebelanga, sebab sedikit delay, sedikit perbuatan di pejabat-pejabat Kerajaan segala kebaikan Kerajaan mengadakan jalanraya, mengadakan sekolah percuma, hospital percuma sia-sia sahaja. Ini perkara-perkara yang patut kita ambil berat, jikalau kita hendak menentang ancaman-ancaman kominis.

Saya menyokong 100% apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Memang saya rasa di samping soal-soal kebendaan ini soal kerohanian

patut diambil berat oleh Kerajaan. Kita tidak hendak memaksa, misalnya, saudara-saudara kita yang bukan beragama Islam masuk Islam, tidak. Bahkan Islam menengah kita memaksa mereka masuk Islam dengan cara ugutan atau kekerasan. Tetapi saya percaya jika kita perkenalkan apakah itu Islam, apakah kebaikan Islam, apakah cara hidup Islam yang mencari persaudaraan, perdamaian, saling mengerti dan tolong-menolong antara manusia dengan manusia. Tidak ada salahnya bahkan patut benar dan dengan sebab itu saya merasa apa yang diserukan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Cepa tadi patut diambil perhatian oleh Kerajaan. Inilah satu jalan yang saya rasa sangat-sangat menasabah dijalankan lebih-lebih lagi oleh pihak Kementerian Penyiaran melalui berbagai-bagai alat-alat penyebarannya daripada penerangan, talivisyen, radio dan lain-lain.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ahli Barisan Nasional menyedari dasar Kerajaan kita ialah satu Kerajaan yang memerintah negeri kita ini dengan cara demokrasi sesuai dengan keadaan hidup dan prinsip-prinsip Rukunegara yang diasaskan kepada kehendak-kehendak negara dan rakyat Malaysia, tentang ugamanya, tentang kebudayaan dan adat resam. Sebab itu misalnya fahaman kominis, kita menentang fahaman kominis itu, oleh kerana dia tidak sesuai dengan fahaman, samada agama kita Islam atau tata susila kita orang Melayu dan orang Asia, baik orang China, India dan lain-lain lagi tidak sesuai. Walaupun negeri-negeri lain seperti di Republik Rakyat China ataupun di negeri Russia menjalankan pemerintahan kominis, itu kita tidak kira. Kita tidak menentang Kerajaan kominis diadakan di Kemboja, di Laos, di Vietnam, di Hungary, Rumania, Yugoslavia dan lain-lain, kerana itu soal dalam negeri dia, itu cara hidup dia. Tetapi kita bersikap anti kepada kominis, yang ada dalam negeri kita ini kerana itu tidak sesuai dengan asas-asas kehidupan, kepercayaan dan dengan cara-cara ala Malaysia Kita. Sebab saya katakan begitu banyak sangat kekeliruan yang berlaku, mengatakan Kerajaan kita sebuah Kerajaan yang anti-kominis tetapi kenapa kita berbaik dengan kominis luar negeri, kenapa kita berniaga dengan kominis di luar negeri. (I)

ialah satu perkara yang cuba didolak-dalihkan atau dipesongkan oleh golongan-golongan yang anti-national yang cuba tidak hendak memahami dasar benar Kerajaan kita iaitu Kerajaan yang ingin berbaik dan tak ingin hendak berlawan, hendak berseteru atau hendak berperang dengan mana-mana Kerajaan, baik Kerajaan kapitalis, Kerajaan socialist atau kerajaan kominis, tetapi dalam negeri kita, kita mesti tadbir negeri kita dengan cara kita yang memang berseteru dan menentang ajaran kominis. Itu asas kita. Sebab itu saya menyokong sekuat-kuatnya akan apa juga dasar dan tindakan Kerajaan menentang anasir-anasir ini. Saya rasa kita mesti memberi tahniah kepada Perdana Menteri kita yang tegas atas perkara ini yang menunjukkan kecekapan, kematangan dan kesungguhannya berdiri dan menentang anasir-anasir kominis ini. Patutlah kita memberi satu kepercayaan yang kuat dan bersungguh-sungguh 100% kepada Perdana Menteri dalam segala tindak-tanduknya untuk menentang anasir-anasir kominis ini di dalam dan di luar Kerajaan, di dalam dan di luar parti Barisan Nasional. Kita berharap jika timbul atau pada pendapat Perdana Menteri tindakan-tindakan yang selanjutnya harus dibuat demi kepentingan negara, maka dengan tidak kita samada orang yang berkenaan itu saudara kita, keluarga kita atau sahabat kita, tetapi demi kepentingan negara tindakan yang tegas mesti diambil. Inilah sifat-sifat pimpinan yang diharap oleh rakyat. Disamping itu kita berharap juga jangan ada orang yang teraniaya, jangan ada orang yang dizalimi. Bagi saya orang yang tak bersalah janganlah dipersalahkan, janganlah difitnahkan, janganlah diada-adakan tuduhan yang tidak berasas. Itu memang tak patut sekali dan mesti kita tentang habis-habisan. Tetapi kepada siapa yang bersalah, kepada siapa yang bersabit memang menjadi kewajipan kita menyokong Kerajaan menjalankan tindakan-tindakan itu demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya suka menyentuh ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang telah membangkitkan nama dua orang saudara saya Yang Berhormat dari Panti dan Yang Berhormat dari Kuala Kedah dalam perkara kononnya kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini ada kemungkinan mereka itu terlibat dalam satu syarikat yang dipengaruhi atau yang mungkin dikontrol oleh kominis. Ini

adalah satu tuduhan yang paling jahat yang saya rasa boleh jadi dikeluarkan tuduhan ini memandangkan kepada dua orang tokoh ini yang sekarang ini menjadi johan terkemuka di dalam peranan menentang anasir-anasir kominis ini. Kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Panti dan dari Kuala Kedah ialah orang-orang yang ternag-terang kedepan memperjuangkan serangan kepada golongan-golongan yang hendak merosakkan negara kita ini iaitu golongan kominis. Maka boleh jadi oleh kerana bimbang orang Melayu terutama sekali bumiputra dan bangsa-bangsa lain juga akan menyokong kepada kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat ini maka dicari jalan untuk mencemarkkan atau memesongkan fikiran rakyat kepada kedua-dua orang ini dan merosakkan nama mereka ini. Saya bercakap demikian oleh kerana saya sendiri pun ialah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah Great Malaysia Line ini. Sepanjang yang saya tahu mana-mana syarikat dalam negara kita ini ada didaftarkan dalam Pejabat Pendaftaran Syarikat-syarikat dan sesiapa juga dengan membayar \$2 kepada Pendaftaran Syarikat itu boleh mendapat semua laporan tentang kewangannya, minit mesyuaratnya dan lain-lain lagi dari tahun ke tahun. Maka dalam tuduhan Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu ada menyebutkan antara lain, kalau saya tak silap, seolah-olah syarikat ini dikontrol oleh kominis dan seolah-olah kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini menjadi sebagai satu alat oleh satu golongan kominis. Misalnya, alat kominis Russia untuk menentang Komunis China. Inilah satu perkara yang sangat jahat, nakal dan saya rasa tidak patut dan tidak harus dikeluarkan oleh pihak Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu.

Pertama sekali, oleh kerana syarikat ini adalah sebuah syarikat halal dan sepanjang yang saya tahu sebagai Ahli Lembaga Pengarah tidak ada kena-mengena langsung dengan kominis. Tentang syer-syer dan lain-lainnya itu ada ternyata dengan terang dalam laporan yang disign oleh Datuk Senu sebagai Pengerusi kepada Pendaftaran Syarikat-syarikat. Syarikat ini memang saya tahu ada mempunyai overderaf facilities daripada berbagai-bagai Bank termasuklah Moscow Narodny Bank yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Melaka, tetapi itu kerana perniagaan. Dalam pentadbiran syarikat ini ada mempunyai facilities sebanyak

\$2½ juta, saya tidak silap daripada Bank Bumiputra dan lebih kurang \$500,000 daripada Narodny Bank yang dibangkitkan itu. Overderaf ini digunakan untuk perniagaan bayar minyak dan sebagainya bagi manamana yang dibayar di Singapura dan di luar negeri, itu semata-mata, tetapi yang sepanjang saya tahu tidak ada modal. Jadi tentang hujah mengatakan dengan mendapat facility begitu seolah-olahnya ini alat kominis. Ini satu hujah yang sangat kotor yang berlawanan dengan tata susila dan juga kaedah-kaedah peraturan dalam Dewan Rakyat atau Parlimen.

Kerajaan Malaysia kita ini, misalnya, ada membuat perniagaan dengan negeri China jual getah, ada membuat perniagaan dengan negeri Russia menjual timah dan kelapa sawit dan sebagainya adakah bererti yang kita ini dicontrol oleh kominis, tidak—kita berniaga dan menggunakan berbagai bank—Amerika, England, Jepun dan sebagainya adakah kita dicontrol oleh Amerika, Jepun atau Inggeris, tidak. Begitu juga, kalau tidak silap saya Moscow Narodny ini membelanja atau mengadakan facilities kewangan kepada lebih kurang separuh kepada peniaga-peniaga dalam negeri Singapura. Adakah bererti Kerajaan Singapura itu separuh daripada ahli perniagaan yang menggunakan facility Moscow Narodny telah menjadi pengaruh kominis. Adakah Lee Kuan Yew itu dipengaruhi oleh kominis? Kita tahu Lee Kuan Yew ialah seorang Perdana Menteri yang anti-kominis dalam segala tindak-tanduknya. Ini perkara-perkara yang saya nampak cuba dipesungkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka semata-mata untuk mengotorkan atau memesungkan nama baik kedua-dua Yang Berhormat dari Panti dan Kuala Kedah untuk juga menarik perhatian rakyat daripada hari ini di dalam perkara kominis supaya berpesung kepada perkara lain—perkara orang ini pula kominis. Maka inilah saya rasa suatu tuduhan yang tidak patut sekali dan patut dikutuk sehebat-hebatnya oleh Dewan ini.

Saya berharap pihak-pihak yang berkenaan patut mengambil berat dan mengambil tindakan yang sewajarnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ini.

Saya rasa itulah sahaja pandangan saya dan saya ucapkan terima kasih.

5.43 ptg.

Tuan Wee Ho Soon (Bandar Sibu): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong atas Rang Undang-undang Pebejalan. 1977 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu, tetapi berkaitan dengan sokongan ini saya bercakap sedikit mengenai pandangan-pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali iaitu bank-bank seperti di Sarawak patut mengemukakan kemudahan dan pinjaman daripada bank kepada bukan Bumiputra lebih banyak lagi kerana memandangkan kurangnya bilangan Bumiputra yang giat di dalam bidang perniagaan di Malaysia Timur yang mengakibatkan ikatan jumlah wang yang begitu banyak di dalam bank, sekiranya polisi yang ada sekarang ini tidak boleh dirombak atau diubah kembali.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua penempatan Hospital Sibu masih belum ada keputusan lagi. Oleh yang demikian, saya berharap supaya keputusan mendapatkan tapak tanah untuk hospital ini disegerakan.

Yang Ketiga iaitu sistem pamaritan di Bandar Sibu adalah merupakan suatu masalah (problem) yang serious. Sungguhpun ianya merupakan perkara yang patut dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, tetapi bantuan dari Kerajaan Pusat adalah sangat-sangat diperlukan supaya kerja-kerja melaksanakan sistem pamaritan ini dapat dijalankan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, iaitu lapanganterbang Sibu. Menurut pendapat saya iaitu peruntukan bagi membina lapanganterbang antarabangsa Sibu sudah sedia diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua, tetapi kerja-kerja membina lapanganterbang itu masih lagi belum dijalankan. Oleh yang demikian, saya berharap supaya kerja-kerja membina lapanganterbang tersebut dapat dimulakan dengan secepat mungkin.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu dalam Dewan ini pada masa sekarang.

5.48 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Ipoh): Penangkapan 6 ahli politik yang lalu di antara mereka ialah 3 Ahli Parlimen di bawah Akta

Keselamatan Dalam Negeri (I.S.A.) telah memeranjatkan seluruh negara. Rakyat terkejut disebabkan ketakutan bagi keselamatan mereka. Mereka memang tahu bahawa Kerajaan sekarang di bawah satu tekad dan kumpulan saikoloji. Kerajaan sekarang diperintah di bawah kumpulan tekanan terkeluar dari peraturan dan undang-undang. Ini jelas bahawa pemimpin dalam Kerajaan tidak berfikir bebas dan meluas. Tindakan ini membuat pengaruh dan dikawal oleh tekanan kumpulan-kumpulan itu. Bila bekas

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, di sini kita sekarang membahaskan berkenaan dengan Rang Undang-undang Belanjawan, jadi bolehlah bercakap berkenaan dengan dasar-dasar Kerajaan berkenaan dengan Belanjawan, bukan di sini Mahkamah hendak membela apa-apa orang yang kena tangkap.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Parlimen lebih kuat daripada Mahkamah kerana itu apa-apa perkara

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau perbahasan ini berkenaan dengan tangkapan, ini boleh bercakap. Ini bukan masanya. Tidak kena masanya Yang Berhormat. Kalau hendak sebut dasar Kerajaan ini dalam am itu boleh.

Tuan Lim Cho Hock: Itu dasar am.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi hendak sentuh berkenaan dengan tangkapan ini, itu tidak boleh.

Tuan Lim Cho Hock: Itu dasar am.

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya benarkan Yang Berhormat bercakap tadi, sebab Yang Berhormat bercakap di dalam am, mengatakan rakyat terkejut sebab orang kena tangkap. Bila hendak pergi kepada detail tidak boleh.

Tuan Lim Cho Hock: Bukan detail, Tuan Yang di-Pertua, itu general sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar dahulu. Cuba teruskan lagi sedikit.

Tuan Lim Cho Hock: Bila bekas Timbalan Menteri, Ahli dari Macang dan Ahli dari Raub

Tuan Yang di-Pertua: Inilah detail. Bila sebut nama siapa-siapa kena tangkap, itu detail. Kalau dalam Mahkamah bolehlah. Jikalau kita berbahas berkenaan dengan usul misalnya berkenaan penangkapan itu bolehlah. Ini berkenaan dengan Belanjawan Kerajaan.

Tuan Lim Cho Hock: Tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah. Lebih baik dengar nasihat saya itu.

Tuan Lim Cho Hock: Keselamatan, Tuan Yang di-Pertua, mestilah ada bersangkutan dengan Budget.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, keselamatan ada bersangkutan dengan Budget sebab kita memperuntukkan hal-hal keselamatan seperti Polis, Tentera. Itu boleh disebutkan tetapi fasal duit itu jangan disebut mengenai siapa yang kena tangkap, kalau tiap-tiap kali orang kena tangkap kita kena bahas ini bukan tempatnya.

Tuan Lim Cho Hock: Tetapi kalau orang ramai takut, Budget tidak boleh dijalankan, dan rancangan-rancangan pun tidak sesuai dan tidak boleh dijalankan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, carry on.

Tuan Lim Cho Hock: Sekarang orang takut kerana mereka fikir Kerajaan menggunakan ISA untuk menangkap orang-orang yang Kerajaan tidak suka dengan tidak mengikut undang-undang. Itu saya

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh membuat ucapan yang berniat jahat atas sesiapa atau Kerajaan, Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan.

Tuan Lim Cho Hock: Kalau begitu, saya hendak bercakap mengenai perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bagus!

Tuan Lim Cho Hock: Saya menyeru kepada Kerajaan mengadakan peraturan undang-undang pada setiap masa. Peraturan undang-undang ini mestilah tidak mengorbankan sesiapa bagi faedah politik (political expediency). Masing-masing semestinya hendaklah bersama-sama di bawah undang-undang itu. Sedih saya mengatakan setengah

orang melebihi undang-undang. Sebagaimana yang diketahui bahawa Allahyarham Tun Abdul Razak dan pihak Biro Siasatan Negara (B.S.N.) telah memberitahu kepada Datuk Harun bahawa kalau beliau bersetuju untuk pergi ke United Nations sebagai wakil beliau tidak diadilkan di mahkamah. Sekarang apa yang membuktikan? Ini menunjukkan ada orang yang mempunyai kuasa yang mana menyediakan dan menentukan undang-undang jenayah dalam negara kita bagi political expediency. Ini juga menunjukkan bahawa ada setengah orang yang diberi peluang untuk mengelak bersabit dengan mengenakan undang-undang, sungguhpun ada bukti untuk dituduh di dalam mahkamah. Perkara seperti ini jangan dibenarkan berlaku sebab sekiranya mereka melakukannya orang ramai tidak akan mematuhi undang-undang.

Sekali lagi saya suka menyatakan di Dewan ini bahawa untuk mengenali perkara multi-national corporation yang mana Hong Kong and Shanghai Bank telah membayar kepada UMNO sejumlah \$200,000.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kes itu masih hendak diappeal lagi, jadi saya minta supaya ditahan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu perkara itu masih dibicarakan. Perkara yang masih dalam perbicaraan tidak boleh disebut.

Tuan Lim Cho Hock: dengan memulangkan sekeping tanah di Kuala Lumpur . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata tidak boleh sebut, kerana perkara itu masih dalam perbicaraan lagi.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap mengenai kes itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi tadi Yang Berhormat ada sebut Hong Kong and Shanghai Bank. Perkara itu masih di dalam perbicaraan mahkamah lagi.

Tuan Lim Cho Hock: Bukan kes itu, perkara lain dan perkara itu tidak bersangkutan . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi Yang Berhormat Menteri mengatakan masih dalam perbicaraan lagi.

Tuan Lim Cho Hock: Itu dia kata sahaja. (Ketawa)

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kes berkenaan dengan Hong Kong and Shanghai Bank membayar wang kepada UMNO itu telah diputuskan dan masih ditunggu ulang-bicara. Ahli Yang Berhormat menyebutkan perkara itu tadi dan itu dinamakan *sub judice*, tidak boleh disebut—salah dari segi undang-undang dan Standing Order kita.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini tidak boleh disebut sebab dia sedang ulang-bicara (appeal). Cakaplah mengenai perkara yang lain, Yang Berhormat. Ini susah sedikit sebab Yang Berhormat membuat ucapan bertulis kalau sudah sangkut, kemudian hendak potong setengah jalan, itu payah sedikit Yang Berhormat.

Tuan Lim Cho Hock: Saya ingat

Tuan Yang di-Pertua: Bercakap mengenai Belanjawan sudahlah.

Tuan Lim Cho Hock: Saya ingat Hong Kong and Shanghai Bank sudah membuat salah, Kerajaan mestilah menuduh Hong Kong and Shanghai Bank di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata tidak boleh sebut lagi, sebab perkara itu sedang diulang-bicara, tamatkanlah setakat itu dahulu, Peraturan Mesyuarat tidak benarkan.

Tuan Lim Cho Hock: Baiklah, beri saya jalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Jalan lain boleh! (Ketawa)

Tuan Lim Cho Hock: Di peringkat ini suka saya bertanya kepada Pendaftaran Persatuan sama ada UMNO dan parti-parti politik lain telah menghantar laporan tahunan yang menunjukkan kebenaran kedudukan kewangan. Jika tidak, apakah tindakan diambil oleh Pendaftaran atau Menteri yang berkenaan. Mendiang Lim Chooi Seng telah menderma berjuta-juta ringgit kepada

UMNO. Saya suka mengetahui samada sumbangan beliau itu ada bersama dalam lapuran tahunan UMNO.

Ini tidak was-was lagi bahawa rasuah akan merebak dalam negara ini. Moral politik telah bocor kepada Ketua Kerajaan. Pegawai Tinggi Kerajaan telah menggunakan kekuasaan politik untuk faedah diri sendiri dengan menjadikan kekayaan. Rasuah menyebabkan jatuhnya Kerajaan dalam memberikan lebih kepada penghidupan. Mereka juga telah mendengar mengenai rasuah yang berjalan dalam negara di atas perkara international. Ini juga membuktikan ada setengah Pegawai Tinggi Kerajaan secara langsung terlibat dengan pembelian F-5 Northrop. Dokumen dalam Dewan Senate United States bagi jawatankuasa kecil menunjukkan pemberian saguhati bukan saja diberikan kepada Pegawai Tinggi Malaysia, tetapi juga diberikan kepada pegawai-pegawai dalam Jabatan Tentera Udara Diraja Malaysia (T.U.D.M.). Seorang Pegawai T.U.D.M., Wing Commander Ahmad Shah telah terang menunjukkan dalam satu dokumen dalam pembelian kapal terbang Northrop secara terhormat menerima saguhati.

Surat ini, yang mana ditulis oleh Ibrahim Sheikh Yahya, Pengarah Urusan Syarikat Bumiputra, sebuah syarikat wakil kepada Northrop, telah menghantar kepada Northrop secara rasmi wakil dari Malaysia Bob Ellring sebagaimana berikut:

“Dia (Shah’s) tidak puashati dengan satu kumpulan dan berkata:

“Memberitahu Northrop untuk lupa-kan komisyen. Mereka menyalahkan Shah tidak memberikan sepatutnya komisyen yang betul. Shah memberitahu berkenaan dengan Northrop dan berkata: “Jangan buat saya seperti budak-budak kecil meminta wang poket dari keluarga atau ibubapa. Lain syarikat, selepas sign perjanjian dengan Mindef pembayaran komisyen yang cukup diberikan dalam masa di antara dua atau tiga bulan sahaja, tidak seperti Northrop.”

“Shah mengharapkan perkara ini akan merupakan persahabatan dengan T.U.D.M. dan tidak merosakkannya. Dan awak tahu dengan jelas, ada banyak lagi projek yang bersabit dengan Northrop yang hampir dengan T.U.D.M. untuk diluluskan. Se-

kiranya Northrop berbuat begini, saya khuatir dengan perjalanan projek dengan T.U.D.M. akan tidak memuaskan. Saya mencadangkan supaya baki komisyen F-5 untuk dibayar terus ke Swiss Bank dengan lebih awal. Ini adalah mustahak untuk pandangan projek dengan T.U.D.M., tidak sahaja mengenai lapangan terbang, tetapi mengenai projek lain yang baik.”

Mengenai Pegawai Tinggi Kerajaan yang terlibat dan bersabit dengan rahsia akaun di Swiss Bank hendaklah diambil tindakan serious. Sepanjang yang saya tahu Kerajaan Jepun dan Kerajaan Dutch ada menjalankan penyiasatan di atas pembayaran pegawai dalam meletakkan scandal Lockheed. Tetapi Kerajaan kita lambat menyiasat ke atas Northrop Scandal.

Sebuah syarikat tempatan ada hubungan dengan Northrop Aircraft penjualan scandal, Syarikat Bumiputra Sendirian Berhad, ada beberapa orang yang menduduki sebagai pengarah syarikat itu:

Raja Zulkifli	...	Pengerusi syarikat dan bekas Speaker Dewan Undangan Negeri, dan sekarang sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor.
Kamarulzaman	...	Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor.
Abdul Jalil	...	Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan.
Salmah Saad	...	Isteri kepada Ahmad Perang bekas Pengarah Keretapi Tanah Melayu.
Hajjah Fatimah Hj. Zain		Isteri kepada Haji Ahmad Ridhuan Timbalan Pengarah Kastam dan Eksais.
Ahamad Zinal Abidin		Bekas Wakil Tetap Malaysia ke Negara Philippina dan Iran, dan sekarang pegawai kanan dalam Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa sebut semuanya nama-nama itu? Apakah tujuannya?

Tuan Lim Cho Hock: Itu semuanya directors.

Taiban bin Hasan		Bekas Ahli Dewan Undangan Selangor, dia telah dituduh dalam rasuah dalam tahun 1974.
Haji Ibrahim bin Abdul Rahaman		Bekas Ahli Dewan Parlimen, sekarang bekerja dengan Kerajaan iaitu Tabung Haji.
Bustaman bin Haji Said		Bekas pegawai awam dalam Kementerian Pelajaran.

Haji Johnnes Choeldi	Seorang saudagar Indonesia melibatkan dalam projek besar-besaran di Melaka.
Ibrahim Shiekh Yahaya	Pengarah Urusan, bekas Pegawai Kastam.

(Yang tak disangka, Menteri Besar Selangor sekarang, Dato' Hormat bin Rafie adalah pemegang saham dan pengarah syarikat itu.)

Mengikut rahsia Northrop, "Penjualan Perwakilan Penerangan" ia telah menunjukkan berikut:

1. Syarikat Bumiputra mewakili multinational koprotion, bernama Northrop, Sikorsky, Farichild Miller dan lain-lain.
2. Sebahagian dari pembantu sebagai "pergi-antara" untuk lapanganterbang. Syarikat ini juga memberi kontrek menjahit kepada Angkatan Tentera dan Pasukan Polis Hutan.
3. Syarikat ini bertanggungjawab bagi jualan kapalterbang Amerika Syarikat kepada Kerajaan Malaysia. Kapalterbang ini dijual dari kapal pejuang kepada helikopter dan kapalterbang biasa. Ia mempunyai pengalaman dalam bantuan dan penentuan jualan dan pemilihan dari kapalterbang-kapalterbang semasa pembahagian serupa di mana kapalterbang dalam penandingan.
4. Tanpa pembantuan dari Syarikat Bumiputra, Northrop telah kehilangan perhubungan bagi membantu kapalterbang pejuang kepada Kerajaan Malaysia kepada penandingan negara French.

Terdapat lagi scandal yang melebihi harga dalam 4 kapal laju SPICA-M dari Sweden. Ini mesti ada lagi scandal yang melibatkan lain perkara tetapi tidak mendapat bukti yang sah. Saya dengan ikhlasnya berharap Kerajaan akan melakukan kejujuran untuk mengatasi masaalah rasuah dan cuba mengatasi kekurangan ini. B.S.N. hendaklah meluaskan lagi di atas perkembangan masaalah ini.

Tahun sudah saya nampak beribu-ribu orang di Utara Perak mengadakan bantahan di tepi-tepi jalan, mereka membantah tidak mencukupi untuk makan, dan mengutuk Kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Mereka mempunyai semangat kesedaran dan membangkitkannya. Penduduk-penduduk luar bandar bukan mudah untuk dipujuk dengan kata-kata manis. Pada mulanya

mereka memerhatikan di atas pembobongan dari Kerajaan. Janji-janji yang dibuat oleh Kerajaan, membangun dan meninggikan taraf hidup orang luar bandar tidak mencari jalan apa yang mereka ingin. RISDA misalnya, kerugian \$10 million akibat rasuah. Perak S.E.D.C. dan S.E.D.C. lain-lain Negeri pun kerugian bermillion ringgit akibat rasuah, kelemahan pengurusan dan bertanggungjawab. Setengah pegawai-pegawai di dalam badan-badan tertentu banyak meminati dalam perniagaan mereka sendiri. Dengan yang demikian keuntungan diambil oleh mereka dari rakyat.

Kerajaan hendaklah mengambil penuh kesalahan di atas perkara bersabit dengan negeri. Pemerhati (watch-dog) kewangan dari Kerajaan seperti "Harimau tidak bergigi" atau "chorus boys" atau "ornaments". Kita tidak menumpukan kepercayaan kepada M.C.A. dan Gerakan atau lain-lain parti dalam Barisan Nasional bercakap. Kita sedar jika mereka lakukan, mereka akan takut dan kehilangan kedudukan dan harta benda mereka. Saya memanggil supaya moral tinggi dalam ketua-ketua Kerajaan. Bagi demokrasi berparlimen, bekerja dengan baik untuk pemulihan moral dan mesti diikuti, jika tidak negara kita akan kehancuran moralnya.

Menyentuh kepada soalan Kebangsaan Bersatu, saya merasa kesal menyatakan bahawa Perdana Menteri cuma ada beberapa bulan yang lalu berikrar dan menegaskan bahawa kumpulan berbagai komunal adalah masih tidak bersatu dan kebangsaan bersatu adalah jauh dari kebenaran. Perikatan dan Barisan Nasional sekarang telah menguasai selepas 19 tahun yang lalu dan sekarang Perdana Menteri telah mengakui kesilapannya. Saya berkata ini jika negara jatuh ke bawah, iaitu Kerajaan Barisan Nasional yang disalahkan. Ini bukti bahawa Barisan Nasional bukan sahaja gagal menyatukan rakyat malahan cuba melagakan antara kalangan berbagai-bangsa. Berlainan sekali antara kebangsaan kedudukan berbagai hal jika Kerajaan membuat lagi kesalahan.

Kerajaan hendaklah mengulangi lapangan politik dan projek supaya mengubah sikap dalam hal itu. Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru besar dan banyak dan luas memberikan bahagian kepada rakyat. Dasar Ekonomi baru adalah dibuat oleh Kerajaan dari keputusan dan kajian 13 Mei dalam tahun

1969. Dasar Ekonomi Baru ialah juga permulaan kebangsaan untuk satu bangsa perkauman. Kerajaan telah agak melupakan mengenai rakyat yang mana telah lebih memberikan kepercayaan dengan mengundi Pembangkang menentang Kerajaan semasa Pilihanraya Umum, tiga hari sebelum itu, 10-5-69. Dengan keputusan Pilihanraya Umum itu, rakyat dengan terang dan jelas mahukan keadilan dalam semua rancangan. Tetapi Kerajaan tidak menunjukkan keadilan dalam hal ini dan lebih perkauman. Kerajaan telah membangkitkan masalah dalam perkauman yang berasaskan ekonomi sahaja. Sejauh ini Kerajaan hanya memberikan bantuan faedah kepada segolongan tertentu sahaja

Tuan Yang di-Pertua: Saya nasihatkan kepada Yang Berhormat tidak boleh dipanjangkan, lagi sebab ucapan yang boleh membangkitkan perasaan di antara kaum di negeri ini Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan.

Tuan Lim Cho Hock: Tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh. Ada lagi?

Tuan Lim Cho Hock: Itu perkara yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua: Serupa tidak bolehlah.

Tuan Lim Cho Hock: Terima kasih.

6.15 ptg.

Tuan Shamsuddin bin Din (Grik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Anggaran Belanjawan, 1977 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 29-10-1976 yang lalu. Setelah mendengar dan mengkaji Lapuran Ekonomi 1976/1977 maka saya dapati Anggaran Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah membawa satu harapan yang cerah dan kekuatan kedudukan ekonomi kita di masa akan datang.

Berbalik kepada Anggaran Belanjawan yang telah dikemukakan juga maka kita dapati boleh dikatakan seluruh rakyat yang berada di luar bandar menerima Anggaran Belanjawan ini dengan tangan yang terbuka

dan mereka berharap selanjutnya anggaran-anggaran yang seperti inilah yang dikehendaki daripada satu masa ke satu masa, kerana kalau pada masa yang lampau mereka juga pernah mengatakan bila ada Parlimen bersidang maka sudah tentulah kenaikan-kenaikan cukai barang-barang sudah tentu diadakan. Ini adalah kerungsingan penduduk-penduduk di luar bandar. Tetapi dengan anggaran yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telahpun dapat mengemukakan Belanjawan yang boleh menerima pada keseluruhannya oleh rakyat yang ada dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran yang telah pun dikemukakan ini adalah merupakan satu Anggaran yang stabil, yang sesuai dengan keadaan pada hari ini dan juga tentang perubahan-perubahan cukai ini bolehlah dianggapkan sebagai menggiatkan pelaburan-pelaburan ataupun perkembangan-perkembangan perusahaan dalam negara kita dan juga meringankan perbelanjaan kepada rakyat-rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyentuh banyak dalam masalah-masalah Anggaran Belanjawan dan masalah-masalah cukai, cuma apa yang saya ingin nyatakan di sini ialah berkenaan dengan cukai motosikal, kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya minta pengkajian semula kepada motosikal yang jenis 75 c.c. ke bawah, kerana selalunya motosikal-motosikal kecil inilah yang digunakan oleh rakyat di kampung yang pergi berusaha menoreh getah, membuat sawah, berladang dan berbagai-bagai cara mata pencarian dengan menggunakan motosikal yang kecil di bawah daripada 75 c.c. ini. Sebaliknya kepada motosikal-motosikal ke atas daripada 75 c.c. ini saya bersetuju kepada cukai cukai sebagaimana yang telahpun dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang beberapa projek ataupun pembangunan-pembangunan pada tahun 1977 yang akan datang, maka di sini saya suka menarik perhatian terutamanya kepada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan yang mana kita selalu mengatakan bahawa masalah perumahan adalah satu masalah yang penting bagi kehidupan rakyat yang ada di dalam negara kita ini samada rakyat itu terdiri daripada golongan miskin, ataupun

rakyat itu terdiri daripada golongan kaya, golongan hartawan dan apa golongan sekali-pun, semuanya memerlukan perumahan. Di dalam masaalah ini juga, di dalam kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, telah-pun membuka lebih kurang enam buah perkampungan dan tapak-tapak perumahan lebih kurang 480 tapak rumah yang telah dibuka dan telahpun diberi kepada peserta-peserta. Tetapi malangnya, peserta-peserta yang mendapat tapak rumah itu tidak dapat membuat rumah dengan sebab infrastructure ataupun dengan sebab kemudahan jalan, api dan air masih belum diadakan lagi. Perkara ini telahpun saya panjangkan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri tidak dapat memberi bantuan dan berharap kepada Kerajaan Pusat. Dan di sini saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat memberi sedikit sumbangan infrastructure seumpama jalan untuk mengadakan infrastructure perkampungan sebagaimana yang telah saya nyatakan di enam buah perkampungan di dalam Grik dan Kroh. Sebab saya membuat rayuan di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah memandangkan kawasan sempadan adalah satu kawasan yang sensitif ataupun kawasan keselamatan (control area) yang mana pihak Kerajaan hari ini mengharapkan supaya rakyat di sana mendapat nikmat. Walaupun tidak puas sebagaimana dikehendaki 100% tetapi mendapat nikmat sedikit-sebanyak dan boleh melindungi mereka itu daripada pengaruh atau anasir-anasir subversif seperti komunis dan sebagainya. Kita tahu kawasan sempadan adalah satu kawasan yang sensitif yang selalu diancam oleh anasir-anasir komunis ini maka amat perlulah pihak Kerajaan ataupun Kementerian yang berkenaan mengambil daya-usaha untuk memberi bantuan dan pertolongan sekurang-kurangnya bagi memenangi hati mereka supaya memberi sokongan penuh kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi kawasan sensitif, terutamanya di Kroh sebuah pekan yang berhampiran dengan Betong di Thailand, jauhnya lebih kurang 9 batu sampai ke Pekan Betong dan sampai ke border lebih kurang $4\frac{1}{2}$ batu. Jadi, ini adalah satu kawasan yang betul-betul pintu masuk pengembara-pengembara ataupun pelawat-pelawat daripada Thailand datang ke Pulau Pinang melalui Kroh dan pelawat-pelawat daripada Thailand yang

datang ke Kuala Lumpur pun melalui Kroh juga. Jadi ini amatlah perlu bagi Kerajaan mencari jalan supaya dapat diberikan ketutamaan kepada kawasan-kawasan yang seumpama ini.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap berkenaan dengan masaalah keselamatan. Di sini terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan terima kasih juga sekalongan bunga saya berikan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pegawai-pegawai dan anggota-anggotanya, kerana telahpun menjalankan tindakan yang tegas bagi mengatasi masaalah ancaman-ancaman yang hendak merosakkan negara kita pada masa sekarang. Di atas tindakan-tindakan yang tegas inilah yang dikehendaki oleh rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, disamping itu kita juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih, terutama sekali kepada Kerajaan Thailand yang telahpun pada hari ini menjalankan tindakan-tindakan, yang tegas bagi menghapuskan ancaman-ancaman komunis di dalam negara Thai sendiri. Dan disamping tindakan yang tegas dari Kerajaan Thai terhadap komunis yang ada di dalam negaranya, maka kita juga mendapat peluang untuk berihat sedikit daripada ancaman-ancaman yang telahpun dilakukan pada masa yang lalu. Kerana ancaman-ancaman sebelah kawasan sempadan sana datangnya daripada sempadan, maka tindakan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Thai itu boleh mengurangkan sedikit-sebanyak ancaman-ancaman yang akan masuk ke negara kita menerusi sempadan. Tetapi walau bagaimanapun, sebagai sikap rakyat dan Kerajaan yang bertanggungjawab kepada negara, maka perlulah Kerajaan mengawasi dan berwaspada. Sungguhpun kita rasa tenang pada hari ini di kawasan sempadan tetapi janganlah kita ingat dengan ketenangan itu tidak akan berlaku satu-satu kemungkinan. Kalau boleh biarlah kita mesti ingat, air yang tenang jangan disangka tidak ada buaya, setenang-tenang keadaan jangan disangka tidak ada segala ancaman-ancaman.

Jadi dalam masaalah ini juga saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang telahpun boleh dikatakan telah mengambil balik tanah-tanah seluas 7,800 ekar, sebagaimana saya katakan di dalam Dewan ini dulu, pihak pasukan keselamatan kita

pada masa sekarang telahpun menjalankan tugas-tugas untuk mengawasi keadaan-keadaan itu dari satu masa ke satu masa. Tetapi apa yang perlu bagi Kerajaan pada masa sekarang ialah kebun-kebun yang telah diambil balik itu, kalau boleh janganlah diberi kepada peserta-peserta secara individu atau perseorangan, kerana ini mungkin mendatangkan merbahaya dan kalau boleh biarlah dijadikan koperasi ataupun diletakkan di bawah FELDA atau FELCRA ataupun Kerajaan Negeri melalui S.E.D.C. dengan cara berkelompok. Dengan cara berkelompok atau dengan cara memegang saham maka ini mungkin akan dapat dijalankan dengan baik dan dengan jayanya.

Sebagaimana saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan sempadan pada masa sekarang bolehlah dikatakan dapat dikawal tetapi apa yang merunsingkan saya pula ialah masalah anasir-anasir subversif, anasir-anasir ganas yang berlaku di dalam bandar-bandar pada masa sekarang. Seumpama pembunuhan-pembunuhan anggota-anggota pasukan keselamatan, merompak, dan berbagai cara. Jadi di dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pembunuh-pembunuh yang melakukan pembunuhan-pembunuhan bagi anggota-anggota pasukan keselamatan pada masa yang lalu, saya dapati mereka ini adalah dari penunggang-penunggang motosikal. Saya tidak melibatkan semua penong-

gang motosikal, tetapi penonggang motosikal yang liar yang tidak bertanggungjawab. Jadi, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, anasir-anasir jahat ataupun anasir-anasir kominis atau subversif menggunakan motosikal ini sebagai satu alat perhubungan yang paling cepat untuk bergerak dalam satu kawasan ke suatu kawasan untuk menjalankan satu-satu tindakan yang berkehendakkan dengan seberapa segera. Jadi saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, pada Kementerian yang berkenaan samada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ataupun Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam supaya mencari satu jalan agar dapat menyekat penunggang-penunggang motosikal yang liar dan yang tidak bertanggungjawab ini dapat dikawal akan pergerakan-pergerakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Shamsuddin bin Din: Panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sambung petang esok.

Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 10hb November, 1976

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.